

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 140 ● 5 - 11 NOVEMBER 2021 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Dipaparkan menerusi aplikasi MySejahtera Sijil digital palsu dijual



TINDAKAN tidak bertanggungjawab sindiket pemalsuan dokumen yang menjalankan ‘perniagaan’ sijil digital vaksin boleh diibaratkan sebagai telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua.

Ini kerana, tindakan tersebut bukan hanya membahayakan nyawa orang lain tetapi akan menyebabkan penularan wabak COVID-19

sukar diputuskan berikutan terdapat individu yang enggan divaksin ‘berkeliaran’ dalam masyarakat.

Keadaan akan menjadi semakin parah apabila kumpulan sasar seperti golongan antivaksin dalam kalangan penjawat awam mengambil ‘peluang’ berkenaan bagi mengelakkan mereka dikenakan tindakan

tatatertib mahupun dibuang kerja.

Malah kelompok itu sanggup mengeluarkan duit poket sendiri demi membolehkan aplikasi MySejahtera mereka dikemaskini dengan sijil vaksinasi lengkap sekali gus memudahkan pergerakan yang terhalang.

LAPORAN PENUH DI MUKA 3

Sambutan Deepavali lebih meriah dengan kehadiran Menteri Wilayah Persekutuan

SUNGGUHPUN terpaksa menyambut Deepavali dalam keadaan serba kekurangan dan di ruangan uzur yang telah didiami lebih 38 tahun, penduduk di rumah panjang Bukit Kiara Kuala Lumpur tetap ceria.

Lebih menggembirakan mereka adalah kehadiran Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim pada Selasa lalu.

Bagi penduduk setempat, lawatan

menteri ke ‘teratak buruk’ mereka amat bermakna sekali gus menaikkan kembali semangat untuk menyambut Deepavali.

Bagi Pengerusi Rukun Tetangga Rumah Panjang Bukit Kiara, Konasagaren Subramaniam, 53, dia dan seluruh komuniti setempat amat terharu dengan kehadiran mengejut Shahidan yang sudi turun padang dan berkunjung ke kawasan perumahan

mereka yang serba kekurangan.

“Tambahan pula kanak-kanak diberi peluang untuk memilih baju raya kegemaran mereka sempena sambutan Deepavali. Sumbangan yang beliau sampaikan juga berjaya mengurangkan beban penduduk di sini yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19,” katanya kepada Wilayahku.

BERITA LANJUT DI MUKA 2



SHAHIDAN menerima kalungan bunga daripada salah seorang penduduk Rumah Panjang Bukit Kiara ketika membuat lawatan ke lokasi berkenaan.

Pengecualian cukai pelancongan bantu pulih industri - Shahidan

PENGECUALIAN cukai pelancongan yang dilanjutkan sehingga 31 Disember ini menerusi pembentangan Bajet 2022 di Dewan Rakyat baru-baru ini, akan dapat membantu memulihkan industri pelancongan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim**, berkata pengecualian duti hiburan ke atas aktiviti hiburan termasuk taman tema dan panggung wayang di semua Wilayah Persekutuan turut membantu industri terbabit kembali bangkit selepas terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.

"Meskipun Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) tidak menerima jumlah

peruntukan yang diharapkan daripada kerajaan Persekutuan, kami tetap terus komited meningkatkan kesejahteraan dan kebaikan rakyat di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menerusi Bajet 2022, KWP menerima RM414,209,900 bagi tujuan pembangunan merangkumi projek Perkongsian Awam-Persendirian (PPP) dan Inisiatif Kewangan Swasta (PFI); membaik pulih jalan-jalan dan jambatan-jambatan; baik pulih sungai; 'sewerage non-river' (SWR) dan 'River of Life' (ROL) atau Sungai Nadi Kehidupan, selain pembangunan di Labuan dan Putrajaya.

"Sebanyak RM256,601,400 pula sebagai peruntukan

mengurus termasuk bagi tujuan pembangunan komuniti dan kesejahteraan bandar; perancangan dan pembangunan; pengurusan; program khusus untuk penyelenggaraan bas Putrajaya; diskau tambang feri Labuan dan naik taraf Dataran Pahlawan Negara," katanya.

Mengenai program 'Community Feeding' kepada kanak-kanak daripada keluarga miskin bandar di beberapa negeri termasuk di Kuala Lumpur dan Putrajaya, Shahidan berkata, KWP dan agensi di bawahnya akan memastikan peruntukan itu bakal memberi manfaat kepada rakyat di Wilayah Persekutuan dan meringankan beban keluarga yang terkesan. — BERNAMA



PENGECUALIAN duti hiburan ke atas aktiviti hiburan termasuk taman tema dan panggung wayang di semua Wilayah Persekutuan membantu industri terbabit kembali bangkit selepas pandemik COVID-19 melanda.

Kunjungan Menteri Wilayah Persekutuan gembirakan penduduk rumah panjang Bukit Kiara

Deepavali: 100 keluarga India dirai

DARI MUKA DEPAN

DEEL ANJER

SENYUMAN manis jelas terukir pada wajah penduduk berbangsa India di rumah panjang Bukit Kiara, Kuala Lumpur sejurus melihat kelibat Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, 2 November lalu.

Kunjungan mesra beliau juga berjaya menghilangkan sedikit keresahan di hati 100 keluarga terlibat yang sentiasa menunggu khabar gembira tentang penempatan baharu susulan rumah yang didiami selama 38 tahun sudah uzur.

Bagi Pengerusi Rukun Tetangga Rumah Panjang Bukit Kiara, **Konasagaren Subramaniam**, 53, dia dan



KANAK-KANAK dari rumah panjang Bukit Kiara gembira apabila mereka dibenarkan memilih pakaian kegemaran bagi menyambut perayaan Deepavali.

seluruh komuniti setempat mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Wilayah Persekutuan kerana sudi turun padang dan berkunjung ke kawasan pe-

rumahan mereka yang serba kekurangan.

"Kami juga terkejut dengan kehadiran beliau yang sanggup curi masa untuk ke sini walaupun sibuk

dengan pelbagai urusan. Meski hanya sebentar, ia sangat memberi makna terutama dalam tempoh perayaan Deepavali.

"Tambahan pula kanak-kanak diberi peluang untuk memilih baju raya kegemaran mereka. Sumbangan yang beliau sampaikan juga berjaya mengurangkan beban penduduk di sini yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19," katanya kepada Wilayahku.

Terdahulu, penduduk setempat menerima pelbagai bantuan dari Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Rumah Prihatin @ GrandSeasons (Rumah Prihatin) sempena hari raya Deepavali, tahun ini.

Sumbangan ber-

bentuk wang tunai serta bantuan kotak makanan disampaikan kepada ketua keluarga oleh Menteri Wilayah Persekutuan yang juga Pengurus YWP.

Bukan itu sahaja, seramai 50 orang kanak-kanak India berumur bawah 12 tahun serta mereka yang memohon bantuan di Rumah Prihatin, dibawa menuki bas ke Kedai Pakai Hari-Hari.

YWP dan Rumah Prihatin turut merancang untuk meningkatkan sumbangan bantuan Hari Raya Deepavali ini kepada 500

orang penerima dari kalan keluarga yang kurang berkemampuan.

Turut hadir memeriahkan acara, Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun dan Pengarah Eksekutif Rumah Prihatin Datuk Mohd Irwan Rizal.

Acara turut mendapat kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Pulse Grande Hotel Putrajaya dan Pusat Pakaian Hari-Hari. WK

Sumbangan Hari Deepavali yang amat bermakna buat penduduk rumah panjang

SUMBANGAN yang dihulurkan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) sempena sambutan Deepavali amat bermakna kepada penduduk rumah panjang Bukit Kiara, Kuala Lumpur berikutkan sebahagian daripadanya kehilangan kerja akibat pandemik baru-baru.

Menurut salah seorang penduduk, **Danalectumi Luchmanan**, 63, kebanyakannya penghuni di rumah panjang tidak bekerja dan mengharapkan sumbangan daripada orang ramai.

"Memang seronok apabila dapat sumbangan sempena Deepavali. Ramai yang tidak bekerja, jadi sumbangan ini dapat mengurangkan beban kami dalam menyambut perayaan Deepavali."



DANALECTUMI



ARUMUGAM

"Oleh itu, kami mengucapkan terima kasih kepada Menteri Wilayah Persekutuan kerana sudi datang melawat. Semoga sumbangan yang diberikan dapat menceriakan lagi suasana Deepavali," katanya.

Bagi Timbalan Pengurus MIC bahagian Segambut dan Ketua

Cawangan Rumah Panjang Bukit Kiara, **Arumugam Thangaveloo**, 65, kehadiran dan sumbangan yang dihulurkan Shahidan bersama YWP membuktikan keprihatinan kerajaan sejajar slogan 'Keluarga Malaysia'.

"Hari ini (Selasa) adalah hari mulia. Setiap tahun, dengan kerjasama YWP, semua penduduk di sini akan mendapat sumbangan sempena Deepavali."

"Sumbangan ini amat diperlukan kerana semua penduduk terkesan dengan COVID-19. Tambah pula, ramai yang tiada pekerjaan," ujarnya sambil menambah sentiasa menerima bantuan YWP sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan baru-baru ini. WK

Projek rintis bermula di Wangsa Maju

Bas elektrik pertama operasi 1 November

AZLAN ZAMBRY

WANGSA Maju telah dipilih untuk melaksanakan program perintis perbandaran sifar karbon yang pertama di ibu kota menggunakan perkhidmatan bas elektrik bermula 1 November lalu.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, projek tersebut dilaksanakan melalui perkhidmatan bas percuma GoKL yang mengaplikasi penggunaan kenderaan elektrik bateri (BEV).

"Perkhidmatan BEV merupakan satu pelan tindakan yang akan dilaksanakan secara lebih bersasar di sekitar Kuala Lumpur.

"Sejajar dengan itu, reka bentuk dan warna balutan luar turut diperbaharui dengan membawa tema hijau yang dilihat ke arah gaya hidup lebih sihat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas melancarkan

Bas Elektrik dan Laluan Baharu Bagi Perkhidmatan Bas Percuma GoKL di Wangsa Maju Khamis lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Setiawangsa, Nik Nazmi Nik Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha KWP, Datuk Che Roslan Che Daud dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Menjelas lanjut, Shahidan berkata, DBKL menyasarkan penggunaan BEV sepenuhnya di semua laluan perkhidmatan bas GoKL menjelang tahun 2023.

"Bilangan bas elektrik ini akan ditambah secara berjadual dari semasa ke semasa dan sebuah bas mampu melengkapkan perjalanan sehingga 250 kilometer (km) untuk sekali pengecasan," katanya.

Dalam pada itu, Shahidan berkata, dua laluan baharu iaitu laluan Hijau Serindit dan laluan Kelabu akan mula beroperasi pada 1 November ini.



ORANG ramai menggunakan perkhidmatan bas elektrik pertama yang mula beroperasi di Wangsa Maju.

"Dua laluan baharu ini diwujudkan bagi memberi pilihan penumpang membuat pertukaran mod pengangkutan daripada bas ke penggunaan rel dan seterusnya mencapai sasaran Kuala Lumpur sebagai bandar raya rendah karbon 2030," katanya.

Sementara itu, Mahadi berkata, pihaknya melahirkan harapan agar inisiatif yang diperkenalkan dapat menjadi penggalak dan memudahkan warga kota untuk menggunakan lebih banyak pengangkutan awam yang disediakan pihak kerajaan.

"Dengan adanya perkhidmatan bas perantara percuma GoKL ini serta jaringan perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien dan lengkap, diharapkan bilangan keemasukan kenderaan persendirian ke dalam pusat bandar dapat dikurangkan dan mencapai sasaran pengurangan 30 peratus menjelang tahun 2025," katanya. **WK**

Hanya RM800, sijil digital vaksin dikemaskini dalam MySejahtera

DARI MUKA DEPAN

NAZWIN NAZRI

HANYA bermodalkan RM800, individu yang enggan menerima suntikan imuniti boleh mendapatkan sijil vaksinasi yang lengkap seperti penerima lain dalam tempoh tujuh hari.

Menyaskan golongan anti-vaksin khususnya penjawat awam seperti guru dan pensyarah, sindiket pemalsuan dokumen turut memberi jaminan bahawa sijil berkenaan bukan sahaja dipaparkan di dalam aplikasi MySejahtera tetapi data peribadi pada sistem yang digunakan kerajaan itu, turut dikemaskini.

Modus operandi baharu itu dipercayai bermula selepas Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengeluarkan pekeliling yang mewajibkan semua penjawat awam termasuk guru mengambil vaksin dan perlu segera melengkapkan imunisasi sebelum 1 November bagi mengelakkan mereka dikenakan tindakan tatatertib termasuk dibuang kerja.

Malah, arahan Menteri Kanan Pendidikan, **Datuk Dr Radzi Jidin** yang membenarkan pengurusan sekolah memeriksa sijil vaksinasi guru bermula Isnin lalu semakin membuka peluang kepada sindiket terlibat untuk mengaut keuntungan atas angin.

Menurut salah seorang individu yang didekati sindiket terbabit, dia amat terkejut apabila menerima mesej berkaitan sijil vaksinasi dengan hanya bermodal-



SINDIKET pemalsuan dokumen menghantar mesej secara rawak kepada nombor telco yang didaftarkan.

kan RM800 daripada individu yang tidak dikenali.

Bimbang ia disalahgunakan kumpulan antivaksin dalam kalangan penjawat awam, beliau yang hanya mahu dikenali sebagai Sakinah memberitahu, laporan polis akan dibuat bagi mematahkan tindakan tidak bertanggungjawab itu.

Bercerita lanjut, ujar beliau, pada awalnya, dia menerima mesej berhubung sijil digital vaksin dan nombor untuk dihubung menerusi aplikasi WhatsApp.

"Tertarik dengan mesej berkenaan, saya meneruskan perbualan dan bertanyakan jika ia boleh dikemaskini di dalam MySejahtera.

"Jawapan yang diberikan individu berkenaan amat mengejutkan kerana ia boleh dimasukkan di dalam aplikasi kerajaan dan digunakan seperti biasa seperti penerima suntikan vaksin lengkap yang lain," katanya kepada *Wilayahku* pada Isnin.

Menurutnya lagi, individu yang ingin mendapatkan 'khidmat' sijil digital vaksin boleh memberikan dokumen lengkap seperti salinan MyKad, alamat terkini dan sejarah penyakit jika ada.

Katanya, tempoh pemprosesan bagi mengekalkan sijil di dalam sistem MySejahtera adalah tujuh hari bekerja.

"Bukan sahaja mudah dan cepat tetapi ia melibatkan sistem kerajaan. Ia menyebabkan saya berfikiran bahawa kemungkinan terdapat kerjasama daripada 'orang dalam' atau pakar penggodam," ujarnya sambil menambah, individu tersebut menggunakan WhatsApp bisnes.

Justeru, beliau berharap individu yang menjalankan 'perniagaan' seumpama itu dapat diberkas bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19 disebabkan sikap tidak bertanggungjawab sekali gus memastikan keselamatan serta kesejahteraan rakyat terjamin. **WK**

Penginapan sementara serendah RM30 untuk warga kota

HAZIRAH HALIM

BAGI membantu warga Wilayah Persekutuan yang kehilangan atau memerlukan penginapan sementara di Kuala Lumpur, RumahPrihatin@GrandSeasons menawarkan Bilik Penginapan Prihatin kepada mana-mana pihak yang memerlukan.

Bilik penginapan mampu bayar ini dibuka kepada seluruh warga kota seperti petugas

barisan hadapan, sukarelawan, pelajar, musafir atau mereka yang memerlukan penginapan dengan tawaran harga bermula serendah RM30 hingga RM89 bagi tempoh satu malam.

Untuk tempahan dan keterangan lanjut, individu yang berminat boleh menghubungi talian bebas tol, 1800-88-7997 atau melayari laman sosial Instagram, Facebook dan Twitter RumahPrihatin di @rumahprihatinwp. **WK**

1 November

Penguatkuasaan lesen minuman keras baharu

SABRINA SABRE

TIADA lagi penangguhan penguatkuasaan garis panduan baharu lesen minuman keras (LMK) baharu bermula 1 November.

Terdahulu garis panduan LMK yang berkuat kuasa pada 15 November 2020 menyatakan larangan penjualan liquor di kedai runcit, serbaneka dan kedai ubat cina akan berkuat kuasa pada 1 Oktober lepas.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hari ini memaklumkan mengambil pendekatan memperkemas dan memperhalusi garis panduan LMK sedia ada yang sebelum ini ditangguhkan atas tujuan untuk memuktamadkan kajian berkaitan kawalan penjualan liquor di Kuala Lumpur.

DBKL dalam satu kenyataan memaklumkan garis panduan yang baharu ini berkuat kuasa mulai 1 November 2021 dan ianya mesti dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam industri ini.

Dalam tempoh penangguhan tersebut, DBKL telah mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dalam menyuarakan pandangan untuk mengawal akses dan penggunaan produk minuman keras sambil memastikan kesihatan dan keselamatan warga kota.

"Pihak kami telah mengadakan perbincangan bersama Persatuan-persatuan Pengilang, Pembotol dan Peruncit, Majlis Perwakilan Penduduk serta Ahli Parlimen di WPKL dan kesemua pihak berkaitan telah menyuarakan pandangan serta keprihatinan masing-masing terhadap perkara ini.

"Garis panduan ini juga menetapkan had waktu minuman beralkohol boleh dijual mengikut jenis premis, dengan



DBKL memaklumkan garis panduan LMK yang baharu berkuat kuasa mulai 1 November itu mesti dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat.

pemohon atau pemegang lesen hanya untuk bukan Islam.

"Pemilik premis perlu memperbaiki lesen sepanjang masa serta mempamerkan kod QR di pintu masuk premis - lesen biru di mana penggunaan alkohol dibenarkan di premis dan lesen kuning untuk pembelian untuk bawa balik rumah sahaja," kata kenyataan itu.

Di samping itu, tambah DBKL, pemilik premis perniagaan yang menjual liquor tidak boleh berhadapan dalam lingkungan jarak 100 meter dari balai polis, rumah ibadah, sekolah, hospital dan rumah kediaman.

"Pemilik premis perniagaan perlu memastikan tiada pengunjung berumur di bawah 21 tahun dan tiada pengunjung beragama Islam meminum minuman keras," katanya ketika mengulas garis panduan LMK di Wilayah Persekutuan.

Ujar kenyataan itu lagi, pemohon yang membuat permohonan pembaharuan LMK wajib memperbaharui lesen premis dahulu serta mengemukakan lesen premis yang sah tempoh. Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tempoh lesen tamat.

"Mereka turut diminta untuk mengiklankan notis di akhbar tempatan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina, dan bahasa Tamil setiap hari selama tiga hari berturut-turut.

"Di samping itu, pemohon mesti menunjukkan paparan notis pemberitahuan bersaiz A0 yang menyatakan niat mereka untuk mendapatkan LMK di hadapan premis mereka selama tujuh hari berturut-turut," jelas kenyataan tersebut. WK

INFO

Jenis aktiviti perniagaan yang dimestikan mendapat LMK

- Pub/Bar/Lounge yang menjual/menghidangkan liquor.
- Restoran yang menjual/menghidangkan liquor.
- Gudang/stor yang menjual/membekal liquor.
- Acara/Promosi/Program yang menghidangkan liquor.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN LESEN MINUMAN KERAS (LMK)

- Satu salinan lesen premis yang sah tempoh.
- 12 keratan iklan Notis Permohonan LMK oleh pemohon yang telah disiarkan di mana-mana akhbar utama tempatan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil.
- Paparan notis pemberitahuan bersaiz A0 oleh pemohon menyatakan permohonan LMK mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.
- Pemohon mestilah berumur 21 tahun ke atas sahaja pada tarikh permohonan dan menyertakan satu salinan kad pengenalan pemohon.
- Empat keping gambar pemohon (saiz pasport).
- Empat keping gambar premis yang menunjukkan pandangan luar dan dalam bangunan serta kedudukan ruang penjualan liquor/samsu (bagi permohonan baharu sahaja).
- Satu salinan pelan lokasi yang menunjukkan tempat perniagaan yang dicadangkan.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairuwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com

Hazirah Halim

hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemondecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

Taufik Mohd Pauze

kikkywilayahku7@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Nooreeza Hashim
nooreezahashim.wilayahku@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@yayasanwp.org.my
V Kumar Veeran
veeran1010@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

CERITA KEDAI KOPI

Selamat Hari Deepavali

BELUM terlambat mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada rakan-rakan beragama Hindu yang meraikan perayaan itu semalam. Kegembiraan mereka dikongsi oleh rakyat Malaysia yang lain. Sesuai dengan kebenaran rentas negeri sekarang, tentunya perayaan ini lebih meriah berbanding tahun-tahun lalu.

Sudah menjadi tradisi di negara ini, hari perayaan kaum tertentu akan diraikan bersama oleh rakyat berbilang kaum. Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina serta Krismas tidak terkecuali.

Inilah semangat 'Keluarga Malaysia' yang mesti sentiasa terus dipupuk dan dipelihara untuk memastikan keharmonian kaum terus terjaga. Bukan sahaja dalam hal yang berhubung kait dengan perayaan tetapi hal-hal lain yang mengikat hubungan pelbagai kaum.

Kawan-kawan Kedai Kopi sejak bersekolah sehingga kini memang mempunyai ramai kawan beragama Hindu. Setiap kali perayaan tidak lupa mengunjungi rakan-rakan sambil mengeratkan hubungan baik.

Kunjung mengunjung bukanlah sangat kerana hendak makan, tetapi lebih penting bertemu rakan dan berkongsi kegembiraan. Yang sudah lama tidak berjumpa berkesempatan berkumpul, bagi mini reunion. Inilah semangat yang ingin kita abadikan dalam Keluarga Malaysia.

Penamaan calon di Melaka

MENURUT jadual, dan jika tidak berlaku perubahan, pada Isnin 8 November ialah hari penamaan calon bagi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka berikut pembubarannya Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 4 Oktober 2021.

Kerajaan Melaka tumbang setelah empat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) menarik balik sokongan. Berikutnya itu Yang di-Pertua Negeri, Tun Mohd Ali Mohd Rustam bersetuju membubarkan DUN bagi memberi laluan kepada PRN pada 20 November.

Kawan-kawan Kedai Kopi sebut 'jika tidak berlaku perubahan' kerana Pakatan Harapan (PH) Melaka telah memfailkan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi mencabar pembubarannya DUN Melaka ke-14 itu. Mahkamah dijadual membuat keputusan pada 8 November, hari penamaan calon.

Jika semakan kehakiman ditolak, proses penamaan calon bakal diteruskan. Namun jika mahkamah membuat keputusan sebaliknya, tindakan seterusnya adalah berdasarkan apa yang diputus atau ditetapkan oleh mahkamah.

Andainya penamaan calon berjalan seperti dijadual, diharap prosesnya akan berjalan lancar. Semua pihak terlibat mesti mematuhi larangan penganjuran majlis berkait pilihan raya yang kini berkuat kuasa sehingga 20 November. Elakkan perakan ke tempat penamaan calon.

Keamanan dan keselamatan mesti diutamakan. Penamaan calon sewajarnya dijalankan dalam suasana harmoni. Ada cadangan agar ia hanya dihadiri oleh calon, pencadang dan penyokong serta pegawai Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR).

Ini bagi mengelakkan perhimpunan ramai serta pengabaian kepada operasi prosedur standard (SOP). Dalam keadaan ramai, seringkali SOP seperti penjarakan fizikal tidak dipedulikan. Mereka bersesak-sesak. Malah provokasi mungkin berlaku.

Namun jika mahkamah membuat keputusan yang menyebabkan proses penamaan calon ditangguh atau dibatal, semua pihak hendaklah akur dan tenang menerima keputusan mahkamah.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap, apa pun keadaannya, suasana aman dan harmoni mesti dipertahankan, apatah lagi dalam suasana COVID-19 yang masih melanda. Jangan cetuskan sesuatu yang boleh menggugat keselamatan dan kedamaian. Semua pihak mesti sama-sama menjunjung tinggi demokrasi.

MEDIA WARGA KOTA

Dapatkan
di 500 lokasi terpilih
di Kuala Lumpur,
Putrajaya dan Labuan

* Maklumat lanjut layari: www.wilayahku.com.my *



SEBAHAGIAN LOKASI EDARAN
AKHBAR WILAYAHU

KUALA LUMPUR - JALAN MAHARAJALELA / KL SENTRAL: DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ■ IBU PEJABAT BOMBA WILAYAH ■ SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD ■ KL SENTRAL ■ MIDA ■ JALAN CENDERASARI: KLINIK KESIHATAN TANGLIN ■ JABATAN KESIHATAN WILAYAH ■ **JALAN RAJA LAUT:** PEJABAT TANAH DAN GALIAN ■ KWSP JALAN RAJA LAUT ■ **JALAN PAHANG:** RUMAH PRIHATIN @ GRANDSEASONS ■ **JALAN MASJID INDIA:** PT10BUSINESSCENTRE ■ **KAMPUNG BARU:** YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ KAMPUNG BARU ■ PASARAYAANGKASA ■ KEDAI RUNCIT HAIRUL ZNZ ■ SABASUN HYPERUNCIT ■ PASAR MINI MEULUR SEJAHTERA ENTERPRISE ■ RESTORAN NASI LEMAK ANTARABANGSA ■ MINI CAFÉ URS ONE ENTERPRISE ■ WARUNG ISTANA MAJU ■ KEDAI RUNCIT STABLE KIOSK ■ WARUNG NASI LEMAK WANJO ■ 7ELEVEN JALAN RAJA ALANG ■ KEDAI RUNCIT HARAPAN ABAH ENTERPRISE ■ KEDAI RUNCIT SINAR MAJU ■ 7ELEVEN STESEN LRT ■ **JALAN TUN RAZAK:** INSTITUT JANTUNG NEGARA ■ HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR ■ KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR ■ PUSAT DARAH NEGARA ■ BERNAMA ■

PUTRAJAYA - PRESINT 1: MASJID PUTRAJAYA ■ PEJABAT PERDANA MENTERI ■ JABATAN AUDIT NEGARA ■ KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ■ KEMENTERIAN ALAM SEKITAR & AIR ■ BIRO BANTUAN GUAMAN ■ SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM ■ KEM PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ■ JPM - PENGURUSAN HARTANAH ■ JABATAN KERJARAYA WILAYAH PERSEKUTUAN ■ PLAN MALAYSIA ■ JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA ■ KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA ■ KKM - PENGURUSAN PERUBATAN & PENYAKIT BERJANGKIT ■ KKM - KEJURUTERAAN ■ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ■ BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN ■ BAHAGIAN TEKNIKAL & VOKASIONAL ■ LEMBAGA PERPERIKSAAN MALAYSIA ■ IKATAN RELAWAN RAKYAT ■ KEMENTERIAN DALAM NEGERI ■ KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ■ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM ■ KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI & INOVASI ■ SURUHANJAYA PEKHIDMATAN PERGURUAN ■ JABATAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA ■ JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI ■ JABATAN KERJARAYA - URUSAN BANGUNAN ■ **PRESINT 2:** KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ JABATAN AKAUNTAN NEGARA ■

LABUAN - PINTU KELUAR AIRPORT ■ SAVEMORE SUPERMARKET ■ BATARAS HYPERMARKET ■ LABUAN GOLF INTERNATIONAL CLUB ■ SUPERMARKET LAYANGAN ■ FAMILY MARKET ■ MUZIUM CHIMNEY ■ PALM BEACH RESORT ■ MASJID AN NUR LAYANGAN ■ AIFA HOTEL ■ HOTEL PULAU LABUAN ■ TIARA HOTEL ■ HOTEL LABUAN POINT ■ LAZENDA HOTEL ■ MOTAC (SEASPORT KOMPLEKS) ■ KOMPLEKS KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA ■ HOSPITAL LAMA ■ BETA APARTMENT ■ LOBBY LFS ■ LOBBY BLOK KERAJAAN ■ DORSETT HOTEL ■ IBU PEJABAT POLIS LABUAN ■ MASJID NURUL IMAN ■ PASAR SENTRAL (UTC) ■ MENARA PL ■ MASJID NUR IMAN ■ WISMA PL BLOK A ■ WISMA PL BLOK B ■ PEJABAT KPE ■ TERMINAL LDA ■ KASTAM ■ JPJ ■ JABATAN AIR ■ SESB ■ IBU PEJABAT BOMBA RANCH-A-RANCH ■ MUZIUM BANDAR ■ MASJID SULTAN MUHAMMAD V ■ BALAI BOMBA KAMPUNG JAWA ■ MASJID AN NUR (BANDAR) ■ MASJID AL FALAH ■ HOSPITAL MEMBEDAI ■ 218JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT ■



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

MALAM itu 31 Disember 1989. Sejak selepas senja saya berada di tengah-tengah padang yang luas itu – di sebelah kanan ada Kelab Selangor yang berwarna putih dan kiri ada Bangunan Sultan Abdul Samad.

Jam besar di menara bangunan itu baru sahaja berbunyi dan jarum pendeknya berada di angka sembilan.

Bangunan seni bina neo-Mugol itu bermandikan cahaya. Malam itu penuh keriangan dengan neon yang berselerak di bangunan-bangunan di keliling.

Kanak-kanak berkejuran ke hulu hilir dan ada yang melangut ke langit melihat belon yang terlepas dari tangan dan terapung di udara.

Saya mengingatkan diri, hidup jangan seperti belon yang terapung tinggi, tetapi kosong. Hidup perlu seperti sauh yang tenggelam di dasar laut, tetapi kukuh dan tidak teranjak diuji gelombang. Biar tidak nampak tetapi keberadaan terbukti dan jasanya disaksi.

Keramaian malam itu menghantar saya kembali ke masa lalu – zaman kanak-kanak ketika menonton ghazal parti di padang sekolah.

Antara kumpulan paling popular ialah Orkes Chandeni Batu 5 Sik, Kedah. Penyanyinya Hamid Khan, Ghani Khan, S Mokhtar, S Rohani. Pelawak hebatnya, Saad Bubur Kacang sentiasa ditunggu-tunggu. ‘Seronok tak sangga’, kata orang Perlis.

Di padang sejarah, orang ramai semakin berpusu-pusu. Di pentas utama berlangsung persembahan artis-artis popular. Tetapi saya tidak ingat siapa mereka kerana lebih teruja berdiri di padang yang sejarah.

Saya pun cuba membayangkan detik bersejarah turunnya bendera Union Jack dan naiknya bendera Persekutuan Tanah Melayu pada 30 Ogos 1957. Ironinya malam itu orang berpusu-pusu kerana artis popular.

Malam itu saya tidak bertugas membuat liputan, tetapi mengambil peluang berada dalam sejarah. Serentak sambutan tahun baharu 1990 berlangsung pengumuman nama baharu padang itu oleh Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad.

Malam itu juga ketika jarum jam melintas pukul 12 tengah malam, Dr Mahathir melancarkan program Tahun Melawat

Tatkala berdiri di padang sejarah



BANGUNAN Sultan Abdul Samad adalah lokasi bersejarah yang wajib dikunjungi oleh para pengunjung apabila melancong ke Kuala Lumpur.

Malaysia 1990.

Saya bukan mahu berada dalam sejarah tahun baharu 1990, juga bukan Tahun Melawat Malaysia. Kedua-duanya tidak ada sejarah.

Saya hanya mahu berada dalam sejarah nama baharu Padang Kelab Selangor. Itu sejarah baharu yang sangat besar maknanya dengan perjuangan kemerdekaan sejak 1940-an dulu. Malam itu Padang Kelab Selangor ditukar pada nama baharu.

Tetapi saya tidak fikir sebahagian besar pengunjung yang memenuhi ruang padang itu mahu berada dalam sejarah Padang Kelab Selangor.

Saya hampir pasti tarikan mereka termasuk yang bersama-sama anak yang masih bayi ialah di pentas utama. Di situ ada artis-artis yang popular. Di situ ada gula.

Malam itu kali pertama saya menjak kaki ke atas padang walaupun sudah enam tahun merantau di Kuala Lumpur. Itulah satu-satunya padang luas di tengah-tengah Kuala Lumpur.

Di kota ini pantang ada tanah lapang, luas sekangkang katak pun pasti pemaju akan membuat cadangan mendirikan bangunan. Hanya padang itu yang terselamat daripada materialisme melampaui.

Tetapi sebelum dinaik taraf dua tiga tahun sebelum itu, padang itu biasa sahaja.

Walaupun sesekali kelihatan

orang berseragam putih bermain kriket, tetapi rumputnya macam padang lain juga.

Sejak 1957 hingga dua tiga tahun sebelum dinaik taraf, banyak warga kota tidak tahu pun sejarah padang itu.

Beberapa kali juga saya berpeleseran seorang diri di tepi Padang Kelab Selangor yang dipisahkan dengan tembok rendah dan pokok bunga raya.

Ada sedikit siar kaki di tepi padang. Apabila malam sekitar padang dan Bangunan Sultan Abdul Samad hanya samar dan suram.

Tetapi kalau malam minggu banyak yang berpeleseran di situ termasuk maknyah dengan kasut tumbit tingginya.

Dalam kegelapan di celah-celah pokok bunga raya pula banyak juga pasangan yang menjadi habuan nyamuk.

Nyamuk? Ah, Apakah sangat dengan nyamuk, orang bercinta lagikan lautan api pun sanggup direnangi.

Tetapi tidak pernah berdiri di atas padang bersejarah itu. Bimbang kasut tenggelam dalam lumpur.

Setiap kali hujan lopak-lopak di padang itu digenangi air dan katak-katak pun riang bernyanyi sepanjang malam.

Memang benar padang di mana saya berdiri malam itu besar sejarahnya.

Kalaularah boleh berkata-kata, tentu sahaja ia menceritakan semangat orang Melayu dulu-

dulu ketika menyaksikan bendera penjajah diturunkan diganti dengan bendera negara yang merdeka.

Keberadaan saya di atas padang itu dikhaskan kepada ayah ketika pulang ke kampung.

Ayah mendengar dengan bangga campur terharu. Ibu ada bercerita ayah pernah berangan-angan mengikut kawan-kawan ke padang itu seterusnya ke Stadium Merdeka menyambut pengisytiharan merdeka. Hanya anangan-anangan. Ayah tiada kemampuan untuk datang.

Saya berpaling sekali lagi ke arah Bangunan Sultan Abdul Samad. Kubah-kubahnya disimbah Cahaya berwarna.

Kubah bangunan ini sama seperti kubah stesen kereta api Kuala Lumpur, Perpustakaan Kuala Lumpur dan bekas ibu pejabat Keretapi Tanah Melayu (KTM).

Daripada penyelidikan saya mendapat tahu Bangunan Sultan Abdul Samad siap dibina 1897 awalnya dijadikan pejabat pentadbiran British di negeri Selangor.

Nama Sultan Selangor diabadikan pada bangunan itu pada 1974, tidak lama sebelum Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan. Reka bentuk oleh arkitek A.C Norman, R.A.J Bidwell dan A.B Hubback

menggunakan seni bina Indo-Islamic atau neo-Mugol abad ke 17.

Reka bentuk bangunan ini sama dengan Taj Mahal, Masjid Jama, dan Taman Shalimar di Lahore, India. Ketika mula-mula datang ke Kuala Lumpur terkejut kerana banyaknya ‘masjid’.

Asal ada kubah semua saya anggap masjid. Rupa-rupanya bentuk kubah diambil daripada seni bina neo-Mugol.

Saya tertanya-tanya kenapa penjajah tidak mendirikan

“Dalam kegelapan di celah-celah pokok bunga raya pula banyak juga pasangan yang menjadi habuan nyamuk. Nyamuk? Ah, Apakah sangat dengan nyamuk, orang bercinta lagikan lautan api pun sanggup direnangi.”

bangunan ada reka bentuk British? Kenapa harus seni bina bercirikan neo-Mugol? Kubah pula sudah diterima sebagai lambang masjid di negara ini.

Mungkinkah disebabkan empayar Mogul begitu menonjol hingga abad ke 17? Hingga kini saya belum temui jawapan.

Malam itu tepat pukul 12 malam, taktala percikan bunga api menawan ruang angkasa Padang Kelab Selangor, rasmilah nama baharunya, Dataran Merdeka. Nama itu ada signifikan dengan kemerdekaan.

Seusai reda bunga api, orang ramai pun berduyun-duyun meninggalkan padang yang baru bertukar nama itu. Sepi.

Cuma yang tinggal di atas Dataran Merdeka hanya tin-tin minuman, bekas makanan, kertas balut burger yang berselerak di sana sini. Memutih bagi bunga teratai yang kembang di atas muka tasik. Saya hilang kata-kata apabila melihat pekerja DBKL bertungkus lumus mengutip semua sampah itu.

Saya tertanya sendirian, benarkah kita sudah merdeka? Padang bersejarah itu terus diam membisu.



KOTA DAN HILANGNYA PERADABAN BANGSA

Kota yang lahir dari batu-batu jalanan menyimpan dendam gemuruhnya dingin rindu berkabut memangkas pandang warga dan pengembara,

Angin kemarau meresap ke tulang belulang kota lorong dan jalannya menemukan rupa yang terbakar aksara asing di mana-mana memadam nama bahasa ibunda lalu bercakar di minda dan kita kehilangan identiti bangsa,

Pengalaman itu menghambat kita aksara asing bagaikan sungai petaka menghanyutkan semangat jiwa warga padahal kota yang lahir ini adalah dari keringat cinta bangsa yang sentiasa tumbuh menjadi sejarah peradaban bangsa dan negara.

Raheem Jay
AKLI

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Masjid bantu atasi konflik rumah tangga

MASJID di Wilayah Persekutuan bakal ditransformasi daripada hanya sebagai tempat beribadat dan pusat aktiviti kegamaan atau kemasyarakatan kepada pusat aduan, kaunseling serta pusat transit membantu mangsa keganasan rumah tangga.

Setakat ini, 12 masjid di Wilayah Persekutuan dipilih bagi melaksanakan fungsi baharu ini, seperti diumumkan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff di parlimen baharu-baharu ini.

Beliau tidak mengumumkan masjid-masjid yang terlibat. Bagaimanapun dua masjid utama di Wilayah Persekutuan, iaitu Masjid Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur dan Masjid Al-Ghufran di Taman Tun Dr Ismail dipilih sebagai pusat transit untuk mangsa keganasan rumah tangga.

Yang menarik hati Adi, penggunaan masjid sebagai tempat aduan, kaunseling dan transit ini bukan terhad bagi mereka yang beragama Islam sahaja. Yang bukan beragama Islam turut diberi peluang menikmati kemudahan dan khidmat nasihat yang disediakan.

Ini perkembangan positif. Masjid kini menjadi tempat bergantung harap mangsa keganasan rumah tangga bagi mendapatkan khidmat nasihat mengatasi masalah yang membelenggu, seterusnya cuba menyelesaikan kemelut yang melenial diri.

Kemudahan transit disediakan khusus bagi mereka yang dilanda masalah namun tidak ada tempat tinggal dan tidak tahu ke mana hendak dituju. Kerana itu mereka memerlukan perlindungan pada kadar segera. Sementara masalah cuba dirungkai, boleh mendapat ihsan masjid untuk menumpang berlindung.

Pendekatan baharu yang diambil oleh masjid ini adalah sejajar dengan Pelan Pengimaran Masjid Wilayah Persekutuan 2020-2024. Matlamatnya bagi memperluas fungsi masjid sebagai pusat komuniti setempat yang menyediakan pelbagai kemudahan, termasuk sokongan psikososial dan kerohanian.

Usaha Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) KPWKM ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) yang bertanggungjawab di dalam pentadbiran masjid di Wilayah Persekutuan. Mereka bersama-sama menggerakkan inisiatif menjadikan masjid pusat rujukan mangsa keganasan domestik.

Mengenai pusat transit, Pengarah JAWI, Datuk Mohd Ajib Ismail memaklumkan,



12 masjid di Wilayah Persekutuan dipilih sebagai pusat aduan, kaunseling serta pusat transit membantu mangsa keganasan rumah tangga.

mangsa yang diberi perlindungan di pusat tersebut akan ditempatkan di bilik khas dan diberi perlindungan sementara tiga hari sebagai ‘tempoh bertenang’. Segala keperluan makan minum dan pakai mereka disediakan oleh pusat transit.

Namun ada syarat ditetapkan oleh masjid dalam memberi perlindungan sementara. Individu terlibat mestilah telah membuat laporan polis berkaitan keganasan rumah tangga dan laporan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) jika perlu.

Adi memahami, isu keganasan rumah tangga hampir saban hari berlaku. Malah ia dikatakan semakin kritikal dalam kemelut COVID-19.

Antara punca utama ialah masalah kewangan apabila ketua keluarga kehilangan kerja dan sumber pendapatan lantaran tempat mencari rezeki ditutup atau dihentikan operasi sehingga keadaan pulih.

Masalah kewangan melarat sehingga mencetuskan

pertengkar yang akhirnya membawa kepada perceraian.

Dilaporkan, kes perceraian meningkat terutama di kalangan pasangan beragama Islam. Saban minggu ada sahaja kes pasangan mahu bercerai sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Dalam kemelut ini, peranan masjid sangat penting untuk sama-sama membantu mengatasi masalah ini.

Kaunseling terhadap yang terlibat dan mewujudkan kesedaran mengenai jenayah keganasan rumah tangga dapat membantu pasangan memperbaiki diri, malah mungkin boleh mencantumkan semula rumah tangga yang retak.

Meneliti rekod dan statistik yang ada, bagi Adi isu keganasan rumah tangga telah mencapai tahap serius. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 3,623 kes keganasan rumah tangga dilaporkan pada 2019. Jumlah ini meningkat kepada 5,260 pada 2020. Pada tahun ini sehingga Jun sahaja, sebanyak 3,970 kes diterima.

Angka ini belum termasuk

“Kaunseling terhadap yang terlibat dan mewujudkan kesedaran mengenai jenayah keganasan rumah tangga dapat membantu pasangan memperbaiki diri, malah mungkin boleh mencantumkan semula rumah tangga yang retak.”

aduan melalui Talian Kasih KPWKM yang juga menunjukkan peningkatan. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2020, Talian Kasih menerima 1,436 panggilan berbanding 1,621 panggilan bagi tempoh sama pada 2021.

Oleh itu diharap kerjasama pihak berkuasa dengan masjid di Wilayah Persekutuan dapat membantu mengurangkan keskes keganasan ini selain mampu menyelesaikan permasalahan yang timbul dan keluarga dapat diharmonikan semula.

Adi — Tidak suka keganasan

PASTIKAN PERSEKITARAN SELAMAT DI SEKOLAH

SELAMAT kembali ke sekolah murid-murid dan pelajar sekolah menengah dalam Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN), termasuk Wilayah Persekutuan, mulai 1 November lalu.

Adi ucapan tahniah kepada para guru dan semua murid serta pelajar. Setelah sekian lama ‘berpisah’ kini kembali secara fizikal di sekolah. Setelah lama ‘bersekolah’ melalui kaedah Pelajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR), kini kembali melalui kaedah bersemuka.

Tentu seronok bertemu rakan-rakan dan guru, dan tentu lebih berkesan belajar melalui kaedah bersemuka berbanding PdPR. Oleh itu beri tumpuan sebaik mungkin di dalam kelas untuk menimba ilmu demi masa hadapan.

Demi keselamatan dan pematuhan kepada operasi prosedur standard (SOP), kapasiti kelas bersemuka hanya separuh daripada jumlah keseluruhan dalam sesebuah kelas, atau dibagi dalam dua grup, A dan B. Kedatangan secara giliran.

Jika satu kelas ada 30 orang, hanya 15 orang hadir ke sekolah secara fizikal. Selebihnya akan terus belajar secara PdPR. Jika minggu ini Grup A datang kelas, Grup B melalui PdPR. Minggu hadapan berganti grup pula. Begitulah seterusnya giliran ini sehingga kehadiran penuh dibenarkan.

Namun dalam keriangan kembali ke sekolah ini, Adi risau dengan khabar masih ada guru yang enggan mengambil suntikan vaksin COVID-19. Sikap guru ini sudah tentu membahayakan

persekitaran sekolah dan menjadikan keselamatan di tempat kerja.

Sebagai guru yang sentiasa berurusan dengan murid dan pelajar, mereka semestinya mempunyai perlindungan lengkap. Enggan divaksin hanya meningkatkan risiko mereka menjadi penyebar virus COVID-19.

Sebagai kakitangan awam, guru mesti patuh kepada arahan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mewajibkan semua penjawat awam mendapat suntikan lengkap vaksin COVID-19.

Malah peringatan dan amaran sudah diberi mengenai tindakan ke atas mereka yang enggan, termasuk ditamatkan perkhidmatan. Bagi Adi ini bukan satu ugutan, tetapi untuk menyerlahkan betapa seriusnya pihak KPM mahu memastikan keselamatan persekitaran sekolah.

Mungkin jumlah yang enggan divaksin ini tidak ramai tetapi tidak harus diberi ruang sedikit pun persekitaran sekolah terdedah kepada risiko COVID-19 yang masih berlegar di sekeliling.

Negara sedang hendak bergerak menuju ke era endemik. Semua pihak mesti bekerjasama memastikan kejayaan peralihan ini dan meminimumkan risiko jangkitan.

Oleh itu harapan Adi kepada guru yang masih tetap enggan untuk divaksin, ubahlah sikap, ubahlah pendirian. Jangan mudah terpedaya dengan kumpulan antivaksin. Kerajaan hanya mahu memastikan keselamatan semua pihak. Jangan biarkan diri diambil tindakan kerana kedegilan tidak bertempat.

Adi — Sudah lengkap divaksin


- Adi Tuah

Adi Tuah

SKETSA



SAJAK



KOTA RETORIKA

dari pintu ke pintu lidah menjaja seikat janji di dalam raga demokrasi

ah, kejujuran begitu mahal di lidah kota yang pecah

jalan dan lorong waktu hanyir luka hujung lidah berdarah

di kota retorika ini lidah semakin berlopak dan berliku.

**Baharuddin Sairi
Sungai Nibong Sekinchan.**

Komitmen hargai perjuangan sepanjang musim pandemik COVID-19

YWP bakal anjur majlis rai frontliner

AINI MAWAWI

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) berhasrat untuk mengadakan majlis penghargaan besar-besaran kepada petugas barisan hadapan yang berjuang dalam memutuskan penularan pandemik COVID-19.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata, majlis yang bakal diadakan dalam masa terdekat itu akan menghimpunkan petugas barisan hadapan antaranya dari pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Ini merupakan kesempatan untuk kita memastikan penghargaan disalurkan kepada semua petugas barisan hadapan sekali gus menyanjung jasa-jasa mereka yang begitu besar kepada



ZAIZALNIZAM

masyarakat serta negara," katanya kepada *Wilayahku*.

Menyentuh tentang perincian majlis tersebut, Zaizalnizam berkata, pastinya ia mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

"Penghargaan ini bukanlah semestinya memberi sesuatu yang bernilai sebagai ganjaran mungkin dengan adanya majlis tersebut sekurang-kurangnya kita dapat menyatakan hasrat dengan penuh keikhlasan kepada mereka," ujar beliau.

Terdahulu, Zaizalnizam hadir pada Program Jerayawara Pembangunan Komuniti dan Kemakmuran Wawasan Bersama anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, Zaizalnizam turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada pihak JKM di atas kerjasama yang terjalin selama ini.



ZAIZALNIZAM (kanan) menerima cenderahati ketika program penghargaan anjuran JKM baru-baru ini.

Warga YWP dan JKM sentiasa menggembung tenaga sepanjang musim COVID-19 un-

tuk memastikan masyarakat Wilayah Persekutuan yang terkesan COVID-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dijaga sepenuhnya.

"Kerjasama yang baik ini akan terjalin sampai bila-bila kerana YWP dan JKM merupakan petugas barisan hadapan dari segi kebajikan yang utama di Wilayah Persekutuan ini," kata beliau lagi.

Pada masa sama, Zaizalnizam berharap dapat menjalinkan kerjasama bersama pihak korporat di luar sana dalam menyalurkan sumbangan untuk sama-sama membantu warga wilayah pada masa akan datang.

"Jika hanya bergantung kepada YWP dan JKM sahaja pastinya sukar tetapi dengan sokongan dan sumbangan daripada badan korporat kita pasti dapat merealisasikan segala apa yang dihajati untuk membantu masyarakat," ujar beliau. **WK**

Japen WPKLP anjur Bengkel Pemantapan Penulisan

BAGI memantapkan lagi pelaporan berita dalam kalangan warga kerja, Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (Japen WPKLP) mengajurkan Bengkel Pemantapan Penulisan pada 28 Oktober lalu.

Penolong Pengarah Cawangan Gerak Saraf dan Pengurusan Isu (GSPI) Jabatan Penerangan WPKLP, **Muhammad Zulhilmi Mohd Jalil** berkata, bengkel sehari itu merupakan platform terbaik

untuk memberi pendedahan kepada pegawai terlibat mengenai kaedah pelaporan yang tepat dalam melaksanakan tugas harian.

"Bengkel ini juga dapat membantu mempertingkatkan tahap pelaporan yang dihasilkan pegawai penerangan dalam penulisan berita bagi portal, Malaysia Aktif.

"Selain itu, ia dilihat sebagai inisiatif terbaik bagi membina budaya kreatif dan inovatif dalam menghasilkan prestasi cemerlang peserta," katanya kepada *Wilayahku*.

Muhammad Zulhilmi

turut berharap program seumpama itu diteruskan dari semasa ke semasa dalam usaha memperkisasikan kemahiran penulisan pelaporan yang baik.

Terdahulu, bengkel selama satu hari itu dimulakan dengan sesi tatacara penulisan berita yang disampaikan Penolong Pengarah Wilayahku, Nazwin Izan Ahmad Nazri.

Seterusnya, sesi laporan GSPI serta penyediaan profil politik dan grading yang disampaikan pegawai penerangan terlibat. **WK**



PESERTA Bengkel Penulisan Berita mendengar ceramah yang diberikan. - Foto : Yang Azman Mohd Othman (Jabatan Penerangan)

PriVo, PPj mahu kumpul 3,000 kereta di Persiaran Putrajaya

SUKARELAWAN Wilayah Prihatin atau Prihatin Volunteer (PriVo) bersama Perbadanan Putrajaya (PPj) akan mengumpulkan lebih daripada 3,000 kereta sepanjang Persiaran Putrajaya bagi memecahkan rekod The Malaysia Book of Records (MBOR), 12 Disember ini.


Program yang bakal berlangsung itu akan diserikan lagi dengan pelbagai aktiviti menarik walaupun ia diadakan mengikut garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara.

Justeru, kelab kereta dan individu di seluruh Malaysia adalah dijemput untuk mendaftar bagi bersama-sama mencipta sejarah dalam pengajuran berkenaan.

Untuk maklumat lanjut,

individu yang berminat boleh melayari media rasmi PriVo. **WK**

Facebook: Sukarelawan Wilayah Prihatin (PRIVOWP)
Twitter: PRIVOWP
Instagram: PRIVOWP
Youtube: PRIVOWP
Tiktok: PRIVOWP
Daftar Link: <https://forms.gle/WULqeefTmUpyRqBC6>



REALITI KEHIDUPAN

roda kota

5 - 11 NOVEMBER 2021 . BIL 140

Wilayah Ku

TVET pembangunan industri masa depan



DIANA AMIR

TVET merupakan singkatan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. TVET adalah proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri bertujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang-bidang yang tertentu.

Skop TVET perlu berdasarkan

standard pekerjaan yang diiktiraf, dengan penekanan kepada komponen praktikal, kemahiran psikomotor dan pendedahan kepada latihan di industri.

Ia diperkenalkan adalah bagi memenuhi permintaan industri dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, selaras dengan globalisasi, ekonomi berdasarkan pengetahuan, kemajuan

teknologi dan mobiliti tenaga kerja global.

TVET dengan mengupayakan pendekatan yang diterajui industri adalah penting untuk menyediakan modal insan berkemahiran yang diperlukan industri, terutama untuk menyokong peralihan sektor ekonomi ke arah aktiviti berdasarkan pengetahuan, selari dengan aspirasi menjadi negara maju pada tahun 2020.



TVET diperkenalkan bagi memenuhi permintaan industri dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi selaras dengan globalisasi, ekonomi berdasarkan pengetahuan, kemajuan, teknologi dan mobiliti tenaga kerja global.



Selain itu, bagi pelajar yang kurang kecenderungan dalam akademik dan remaja di luar sistem pendidikan terdapat juga program khas Sijil dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Pelbagai bidang ditawarkan TVET antaranya ialah pelancongan, aeronautik, automotif, keselamatan siber, animasi dan banyak lagi.

Menteri Pengajian Tinggi, **Datuk Seri Dr Noraini Ahmad** berkata Perdana Menteri, Datuk Sri Ismail Sabri Yaakob telah membentangkan tiga teras strategik TVET iaitu Tadbir Urus Bersepadu dan Terselaras, TVET Dipacu Industri dan TVET Mencorak Masa Hadapan pada mesyuarat Februari lalu.

"Suka saya kongsikan di sini juga bahawa, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif, Majlis TVET Negara (MTVET) atau JKE MTVET yang dipengerusikan secara bersama oleh saya dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan, telah dilaksanakan pada 29 Jun 2021 yang lalu.

"Dalam mesyuarat ini, tiga kertas pertimbangan telah dibentangkan oleh wakil-wakil Kumpulan Fokus dan Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) dan bakal menjadi polisi yang memandu pelaksanaan sistem TVET negara sekiranya diluluskan kelak di peringkat MTVET," katanya.

PENDEKATAN PEMBELAJARAN INDUSTRY-LED

Noraini berkata graduan lepasan politeknik sentiasa menjadi buruan para majikan dan ianya terbukti apabila kadar kebolehpasaran graduan politeknik bagi tempoh lima tahun sebelum adalah melebihi 90 peratus.

"Pada tahun 2018 misalnya, kadar kebolehpasaran graduan politeknik direkodkan sebanyak 96.1 peratus sementara pada tahun 2019 pula ialah 96.7 peratus.

"Walaupun pada tahun 2020 terdapat sedikit penurunan kesan daripada pandemik COVID-19, kadar kebolehpasaran graduan politeknik masih melepassi catatan nasional, iaitu 91.2 peratus," ucapnya ketika Persidangan Meja Bulat Mesyuarat Majlis Penasihat Industri Jppkk.



DATUK SERI DR NORAINI AHMAD

Jelas beliau lagi, bagi memastikan kurikulum pendidikan politeknik sentiasa relevan dengan perkembangan teknologi terkini, penglibatan industri secara aktif amat diperlukan supaya kurikulum yang dibangunkan bersifat Industry Driven Curriculum.

Bagi maksud itu, beberapa pendekatan pembelajaran berdasarkan *industry-led* telah dirangka. Antaranya ialah program *WBL@PolyCC; Structured Internship Programme (SIP); CEO@PolyCC; dan Industry on Campus (IOC)*.

"Jika boleh saya kongsikan sedikit di sini berkenaan dengan pelaksanaan pendekatan pembelajaran berdasarkan *industry-led*. Program *WBL@ PolyCC* misalnya, menekankan pendekatan mengintegrasikan pembelajaran akademik dan pengaplikasian pembelajaran sebenar di tempat kerja.

"Ia bertujuan untuk meningkatkan aktiviti pembelajaran berdasarkan pengalaman (*experiential learning*) di samping melaksanakan refleksi berstruktur; memberikan pendedahan dan pengalaman industri yang relevan; serta meningkatkan kemahiran kognitif; fungsi kerja personal; etika dan professional pelajar," jelasnya.

Noraini berkata buat masa ini, terdapat tujuh program *WBL@ POLYCC* yang dilaksanakan di peringkat ijazah sarjana muda di Politeknik; enam di peringkat diploma Politeknik dan 16 di peringkat diploma Kolej Komuniti.

Sementara itu, di bawah *Structured Internship Programme (SIP)*, inisiatif kolaborasi bersama industri diperluas melalui *Talent Enhancement Programme (TEP)*. Sebanyak 21 industri telah menawarkan SIP kepada 2,188 pelajar tahun akhir untuk menjalani latihan industri dan seterusnya menawarkan mereka ini penempatan pekerjaan. Antara industri yang terlibat adalah seperti Maybank, Talent Corp. Malaysia dan MIDA (melalui Program *Manufactship MIDA-MOHE*).

Sejauh dengan Lonjakan 2: Kecemerlangan Bakat, Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi

Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi), yang menggalakkan penglibatan tokoh-tokoh industri berwibawa untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam memperkasakan sistem pendidikan tinggi negara, program CEO@PolyCC diteruskan dengan perlantikan 31 tokoh industri.

Dalam pada itu, Noraini menyatakan lebih banyak pemimpin dan peneraju industri dapat turut serta dalam Program CEO@ PolyCC pada masa hadapan bagi berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman berharga mereka.

Seterusnya, di bawah inisiatif *Industry on Campus (IOC)*, persekitaran sebenar industri dapat dibawa ke dalam suasana proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Ini bertujuan untuk merapatkan jurang atribut graduan dengan keperluan sebenar industri di samping menyuntik nilai tambah kepada pelajar yang bakal mengikuti aliran TVET.

Noraini turut merakamkan penghargaan kepada pihak Yayasan Tenaga Nasional (YTN), Yayasan Sime Darby (YSD), SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan PKT Logistics Group Sdn. Bhd yang telah banyak menyumbang, khususnya dari segi bantuan kewangan atau biasiswa kepada pelajar dan berharap lebih banyak program penajaan pengajian dapat diketengahkan.

"Ia boleh diperkembangkan kepada semua ahli Majlis Penasihat Industri JPPKK seperti Yayasan TM; Petronas; institusi perbankan seperti

“Sebanyak 21 industri telah menawarkan SIP kepada 2,188 pelajar tahun akhir untuk menjalani latihan industri dan seterusnya menawarkan mereka ini penempatan pekerjaan. Antara industri yang terlibat adalah seperti Maybank, Talent Corp. Malaysia dan MIDA (melalui Program Manufactship MIDA-MOHE). – Noraini Ahmad

Malayan Commercial Banks’ Association (MCBA) dan lain-lain lagi. Hakikatnya, masih terdapat banyak lagi ruang jalinan kolaborasi yang boleh kita terokai dengan pihak lain.

"Jadinya, saya menyatakan agar lebih ramai pihak industri bekerjasama dengan KPT terutamanya pihak JPPKK



GRADUAN lepasan politeknik sentiasa menjadi buruan para majikan.

bagi pembiayaan pensijilan profesional kepada graduan. Ini bagi membolehkan graduan-graduan ini nanti, apabila diserap masuk sebagai pekerja, akan memperoleh pendapatan yang lebih tinggi.

"Saya sentiasa mengalui-alukan sebarang bentuk idea, sokongan, bantuan dan kerjasama yang erat daripada pihak industri yang dapat membantu pembangunan modal insan negara, terutamanya yang berkaitan dengan TVET. Komitmen dan kolaborasi industri terutamanya serta ahli-ahli Majlis Penasihat Industri sekalian amatlah dihargai oleh KPT.

"There is no one can whistle a symphony. It takes a whole orchestra to play it. Semoga tautan kalaborasi ini akan membawa Agenda Pemerksaan TVET ke pentas kegemilangan," katanya. **WK**



Menyantuni cabaran luar jangka - Noraini

MARTIN Luther King, Jr., seorang aktivis Amerika yang memimpin pergerakan untuk hak-hak sivil bagi Afrika-Amerika, pernah mengungkapkan, "Life's most persistent and urgent question is, what are you doing for others?".

Kata-kata ini sebenarnya amat dekat dalam menggambarkan peranan kita, lebih-lebih lagi dalam situasi luar jangka yang kita hadapi sekarang ini. Pada masa ini, adalah sangat penting untuk kita saling berganding bahu membantu mereka yang memerlukan.

Oleh itu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata dalam mendepani ancaman COVID-19, 43 buah Universiti Awam (UA) dan Hospital Pengajar Universiti (HPU) di bawah seliaan JPT telah dijadikan Pusat Pemberian Vaksin Institusi Pendidikan Tinggi (PPV IPT).

"Selain itu, pemberian vaksin secara pandu lalu dan perkhidmatan PPV bergerak / Outreach bagi memudahkan cara golongan yang memerlukan terutama warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) termasuk mereka yang berada di kawasan luar bandar telah dilaksanakan dalam usaha untuk menjayakan Pelan Pemulihan Negara (PPN),"



AGENDA pemerksaan TVET akan membantu memenuhi keperluan masa hadapan terutama dalam mendepani fasa endemik di Malaysia.

katanya.

Jelas beliau melalui pelaksanaan ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah membantu Kerajaan dalam mempercepat akses rakyat kepada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PIC) dengan kadar 91,000 dos vaksin seminggu. Sehingga kini, semua PPV IPT ini telah berjaya memberikan lebih 2 juta dos

vaksin kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Tambahnya bagi memastikan kebijakan dan keselamatan pelajar terus menjadi keutamaan, KPT dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan COVID-19 Immunisation Task Force (CITF) telah menyediakan ruang bagi pelajar yang masih belum di vaksin atau menerima temu

janji vaksinasi melalui aplikasi MySejahtera untuk menerima vaksin secara walkin di semua PPV terbuka.

Inisiatif ini adalah selaras dengan pengumuman rasmi KPT yang membenarkan pelajar yang telah lengkap proses vaksinasi untuk memasuki kampus IPT secara berperingkat bermula 15 Oktober yang lalu.

Noraini berkata kementeriannya juga mengorak satu lagi langkah proaktif demi menyantuni kesejahteraan para pelajar dengan menyedia dan membekalkan kit ujian kendiri COVID-19 kepada semua IPT sebagai usaha mengurangkan risiko kesihatan di kampus.

"Selain itu, di bawah inisiatif #KPTPRIHATIN dan selaras dengan prinsip kebersamaan dalam Keluarga Malaysia, program-program lima kesukarelawanan seperti MyVAC dengan lebih 7000 sukarelawan telah digerakkan melalui kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

"Program seperti Misi Bantuan Banjir yang melibatkan lebih 4000 orang sukarelawan mahasiswa

bagi meringankan beban mangsa khusus di negeri-negeri yang terjejas tahun ini serta MASKUM Volunteer Empowerment (MaVE) juga turut dilaksanakan dengan kolaborasi bersama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) serta Majlis Kesukarelawanan Universiti-Awam Malaysia (MASKUM)," katanya dalam Majlis Pelancaran Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia KPT.

Beliau berkata KPT sentiasa mendengar suara mahasiswa di mana pengurangan yuran sebanyak 20 peratus kepada semua pelajar warganegara di Universiti Awam (UA) bagi Semester 1 Sesi 2021/2022 diumumkan.

"Ia sebagai tanda prihatin dan cakna kementerian terhadap beban keluarga dan pelajar sepanjang pandemik COVID-19 dan bakal memanfaatkan seramai 555,340 pelajar dengan nilai keseluruhan sebanyak RM175 juta.

"Kesemua inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian dan bantuan yang diselaraskan ini memberi fokus kepada perihal kebijakan dengan tujuan tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memelihara kesejahteraan pelajar," tegasnya.

WK

KPT tumpu penajaran semula pasaran buruh dalam RMK-12



HAZIRAH HALIM

SEIRING dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan memberi tumpuan kepada penajaran semula pasaran buruh serta pendidikan TVET untuk mencapai pertumbuhan yang inklusif dan mampan serta pembangunan bakat tersedia yang akan memenuhi keperluan masa hadapan terutama dalam mendepani fasa endemik di Malaysia.

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dalam kenyataannya berkata seramai 21 peneraju industri telah dilantik sebagai ahli Majlis Penasihat Industri JPPKK dari

sembilan bidang utama program-program yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti.

"Majlis Penasihat Industri JPPKK merupakan platform peneraju kepada industri dalam memberikan maklum balas dan cadangan yang berkaitan dengan penambahbaikan ekosistem TVET.

"Majlis Penasihat Industri JPPKK juga bertindak sebagai penghubung kerjasama antara jabatan dan industri dalam melahirkan serta menyediakan tenaga kerja berdaya tahan dan berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh industri," katanya.

Tambahnya Tan Sri Datuk Sufri Md Zin telah dilantik sebagai Pengurus Majlis Penasihat Industri JPPKK



menggantikan Tan Sri Datuk Azman Datuk Haron Shah yang telah menyumbang khidmat bakti sejak Majlis Penasihat Industri JPPKK ditubuhkan April 2008.

Dalam pada itu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad ketika mempengerusikan Persidangan Meja Bulat dan Mesyuarat Penasihat Industri JPPKK bagi tahun 2021 berkata, platform tersebut bagi mendapatkan cadangan serta maklum balas.

"Platform yang disediakan ini adalah untuk mendapatkan cadangan dan maklum balas pihak industri terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kementerian bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan politeknik dan kolej komuniti.



MAJLIS Penasihat Industri JPPKK juga bertindak sebagai penghubung kerjasama antara jabatan dan industri dalam melahirkan serta menyediakan tenaga kerja berdaya tahan dan berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh industri

"JPPKK telah banyak menjalinkan kerjasama dengan pihak industri melalui pelbagai inisiatif seperti WBL@POLYCC, Structured Internship Programme



(SIP), CEO@PolyCC, Industry On Campus, sumbangan dari industri dalam bentuk kewangan pengajian dan lain-lain," jelas Noraini. WK

IMBAS
kod QR
untuk
menonton
video
berkaitan



GOKL mencorak aspirasi rendah karbon 2030

JAJARAN Laluan Coklat yang berada di dalam kawasan Wangsa Maju akan menjadi laluan BEV pertama sebelum diperluaskan secara berperingkat ke laluan-laluan lain. Wangsa Maju bakal menjadi bandar berteknologi hijau pertama melalui projek perintis yang diterajui oleh DBKL.



BEV GOKL menggunakan 8 unit bateri Lithium Iron Phosphate, menggerakkan enjin dengan jarak laluan 250 km pada setiap pengecasan.



KUALA LUMPUR mengaspirasikan untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon sehingga 70 peratus menjelang 2030, selaras dengan dua pelan tindakan yang dirangka DBKL iaitu Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 dan Pelan Pengurusan Karbon DBKL 2025.

Antara langkah yang perlu direalisasikan dalam mencapai misi ini bersama adalah penggunaan mobiliti dan mod pengangkutan hijau yang mampu memelihara alam sekitar.

Sektor pengangkutan menjadi antara penyumbang terbesar pelepasan karbon di Kuala Lumpur kerana kebanyakan pengangkutan awam menggunakan bahan api diesel yang melepaskan partikul halus yang boleh membahayakan sistem pernafasan dan alam sekitar.

Bagi mengatasi masalah ini, perkhidmatan bas percuma GOKL kini ditransformasi kepada penggunaan Battery Electric Vehicle (BEV) yang dilihat lebih mesra alam sekitar dan akan membawa kepada gaya hidup yang lebih sihat. **WK**



MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim mencuba BEV GOKL selepas melancarkan perkhidmatan bas tersebut di Wangsa Maju pada 28 Oktober lalu.

SEBELAS laluan bas ini dapat diakses melalui aplikasi mudah alih GOKL. Pengguna boleh memuat turun aplikasi ini di GooglePlay atau AppleStore bagi memudahkan perancangan perjalanan dan menjamin masa menunggu. Paparan ketibaan bas akan diinformasikan secara real-time.





Kongsi keceriaan Deepavali

DEPAVALI, atau lebih dikenali sebagai pesta cahaya adalah antara perayaan utama yang disambut oleh masyarakat India yang beragama Hindu di Malaysia.

Menurut mitos, perayaan Deepavali bermula dengan kisah Dewa Krishna membunuh roh jahat Narakasura di mana selepas kejadian tersebut, seluruh penduduk kampung telah meraikan kemenangan menewaskan kejahatan

dengan pesta nyalaan lampu.

Biar apapun sejarah atau mitos yang mengaitkan kewujudan perayaan Deepavali, yang penting semua pengikut agama Hindu tanpa mengira latar belakang harus diberi peluang meraikannya dengan penuh keceriaan.

Sehubungan dengan itu Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** meluangkan masa untuk menghulurkan sumbangan duit raya

daripada Yayasan Wilayah Persekutuan kepada 100 keluarga di Perumahan Awam (PA) Rumah Panjang Bukit Kiara. Sumbangan makanan berjumlah RM10,000 turut disampaikan pada majlis 2 November lalu.

Shahidan yang juga Pengurus Yayasan Wilayah Persekutuan turut meluangkan masa untuk membeli baju raya kepada 50 kanak-kanak dari PA tersebut di sebuah pasar raya di Chow Kit. **WK**



Iman Troye perjuangkan karya tradisional



DEEL ANJER

KARYA tradisional seolah-olah tenggelam dan kurang mendapat perhatian dalam kalangan anak muda. Apatah lagi banyak pengaruh budaya luar yang mudah menyerap dalam jiwa mereka akibat kemajuan teknologi seperti media sosial.

Sebagai penyanyi muda, Iman Troye mengambil langkah muncul dengan karya berunsurkan tradisional menerusi lagu *Nang*.

Dengan kerjasama pusat ilmiah PTTI (pusat peningkatan akademik dan pakar dalam membantu pelajar), lagu *Nang* dilancarkan di sebuah hotel di ibu kota baru-baru ini.

"Saya anggap kehadiran lagu pop Melayu berentak Jawa dan ada sentuhan tradisional ini lebih manis kerana pihak PTTI juga sudi melancarkannya."

"Saya harap selepas ini peminat akan lebih menyokong karya tempatan atau tradisional dan membuatkan muzik video (mv) yang lain mendapat tontonan satu juta dalam masa kurang sehari seperti penyanyi antarabangsa lain," katanya yang merakamkan lagu itu sekitar Januari lalu.

Kata Iman atau nama sebenarnya **Siti Nur Alyssa Sahabudin**, 19, menyanyikan lagu berkoncep *Nang* bukanlah kerja mudah.

"Apatah lagi untuk berada di kedudukan pertama di senarai sohor kini YouTube. Kualiti lagu dan seni muzik video akan sentiasa menjadi kepentingan pertama saya."

"Saya juga rasa amat beruntung untuk berada di sini dan dapat peluang untuk memperjuangkan karya tradisional Malaysia kita."

Saya harap semua akan terus menyokong karya hasil artis tempatan supaya terus lebih maju," katanya dengan rasa syukur apabila *Nang* meraih satu juta tontonan selepas enam hari tayangan mv dilancarkan.

Menurutnya, trek rekod seperti itu merupakan pencapaian peribadi yang cukup luar biasa.

"Tambah pula tiga lagu saya masing-masing ciptaan Ezra Kong dan lirik A Ramlee dilancarkan di era pandemik COVID-19



SITI NUR ALYSSA

yang kita sedia maklum ketentuan pasaran muzik itu sendiri tidak mampu ditebak hala tujuanya.

"Saya harus berterima kasih kepada semua yang menjadikan semua ini kenyataan. Terutama peminat serta rakan media yang tidak putus-putus memberikan sokongan," katanya.

Nang terbitan XO House Sdn Bhd dengan kerjasama Universal Music Malaysia dilancarkan 15 Oktober lalu di semua pelantar muzik digital terpilih. Lagu itu juga sohor kini di YouTube dan pernah berada dalam kedudukan top 5 platform muzik berkenaan selain top 10 di Spotify.

Video muzik single ketiga dengan kos perbelanjaan lebih RM100,000 itu dimuat naik ke YouTube pada 22 Oktober lalu. Ia sekali gus menjadi video muzik termahal diterbitkan di bawah syarikat XO House Sdn Bhd malah penggambarannya dibuat selama dua hari iaitu pada 6 dan 7 Oktober.

Video muzik arahan Lily Samsuddin ini turut menampilkan sisi bakat tari Iman yang dikoreografi Aus daripada Nasty Rock Crews.

WK

Jangan ketawakan orang yang kurang pandai Bahasa Inggeris – Joe Flizzow

PENYANYI rap popular Joe Flizzow menegur sikap sesetengah individu 'grammar nazi' agar tidak memalukan seseorang yang melakukan kesalahan dalam penggunaan bahasa Inggeris.

Bagi Joe atau nama sebenarnya **Johan Ishak**, 42, sikap suka mentertawakan atau memalukan orang lain yang cuba berbahasa Inggeris tidak sewajarnya berlaku dalam masyarakat.

"Saya yang fasih berbahasa Inggeris pun, masih lagi melakukan kesilapan. Adakah, saya akan panggil pekerja yang membuat kesilapan berulang dan tegur secara peribadi," ujarnya.

Joe berkata demikian ketika sesi sidang media secara virtual Start Your English Journey with Joe Flizzow yang juga aplikasi SOLS Edu.

Ia menawarkan program pembelajaran merangkumi kemahiran Asas Bahasa Inggeris Untuk Pekerjaan (*Work Essential English*) baru-baru ini.

Istilah 'grammar nazi' merujuk kepada seseorang individu mahir berbahasa Inggeris yang gemar membetulkan atau mengkritik kesalahan tatabahasa orang lain.

Mengakui diri masih melakukan kesilapan dalam penggunaan bahasa Inggeris, penyanyi lagu *Apa Khabar* itu berkata, ia disebabkan dirinya sering mendengar lagu hip-hop sehingga struktur bahasa dalam lagu yang ditulis banyak silap.

Bersyukur diberitahu oleh ibu bapa yang pernah bekerja sebagai penulis, katanya, setiap kesalahan yang dibuat akan ditegur ibu.

Dalam pada itu, menceritakan tentang aplikasi berkenaan, Joe berkata, ia telah dibangunkan oleh SOLS Edu yang memberi lebih banyak pilihan kepada pelajar untuk belajar bahasa Inggeris.

"Terdapat pepatah dalam dunia hip-hop, 'Real recognise real', dan saya mengiktiraf kerja yang telah dilakukan oleh SOLS Edu sepanjang 21 tahun lepas membabitkan 500,000 pelajar di tujuh buah negara.

"Ketika saya bercakap dengan Pengasas Raj Ridvan Singh, atau Teacher Raj (TR),

yang beliau ingin dikenali, menjadi bahawa kami mempunyai matlamat dalam membantu orang muda mencapai potensi penuh mereka.

"Ketika itu saya tahu bahawa bekerjasama dengan SOLS Edu dalam projek ini dengan memberi tunjuk ajar kepada pelajar menerusi aplikasi SOLS Edu adalah cara terbaik untuk saya menyumbang kepada masyarakat," ujarnya.

Menurut Joe, aplikasi berkenan turut memberikan akses percuma dan kaedah pembelajaran yang teratur untuk belajar bahasa Inggeris.

Jelasnya, aplikasi pembelajaran SOLS Edu dibangunkan enam tahun lalu mempunyai pelbagai versi di samping menggunakan tutorial dalam bentuk video dan audio, kaedah suai padan gambar-perkataan, isi tempat kosong, dan latihan berbentuk pilihan jawapan untuk menjadikan proses pembelajaran bahasa Inggeris lebih bersifat pengembalaan interaktif.



JOE FLIZZOW

Rendang Nasib Zaiton Sameon laris selepas PKP



ZAITON SAMEON

PENYANYI popular **Zaiton Sameon**, 64, meluahkan rasa syukur apabila perniagaan Rendang Nasib mendapat sambutan hebat sejurus pelbagai sektor ekonomi dibuka.

Menurut penyanyi lagu *Menaruh Harapan* itu, keadaan bisnes yang memberangsangkan mendorong dirinya menjadi semakin bersemangat.

"Terima kasih kepada kerajaan kerana membenarkan banyak sektor ekonomi dibuka sekarang, la secara tak langsung membuatkan

Rendang Nasib yang dijual semakin laris.

"Bukan sahaja permintaan individu, tetapi banyak syarikat yang menempah rendang saya untuk sebarang majlis atau acara."

"Iyalah...Masa PKP (Perintah Kawalan Pergerakan), kurang tempahan mungkin ramai duduk rumah dan lebih suka masak sendiri. Berbanding sekarang, ramai dah mula bekerja dan melakukan aktiviti luar, disebabkan kurang masa di rumah," katanya yang

dihubungi *Wilayahku*.

Dalam masa sama, Zaiton juga tidak berkecil hati apabila ada cakap-cakap belakang mengatakan beliau sudah tiada tawaran nyanyian.

"Ada yang mengatakan saya sudah tidak laku lagi selepas berniaga rendang di media sosial. Namun, saya tak berkecil hati atau marah kerana setiap orang mempunyai pandangan masing-masing."

"Berkaitan tawaran nyanyian, semua pun tidak tahu sejak PKP majlis atau acara berkaitan

nyanyian tak dibenarkan. Jadi, secara tidak langsung memang tiada tawaran.

"Apa-apa pun saya bersyukur, bisnes rendang saya tetap mendapat permintaan. Walaupun hasilnya tidaklah semewah bayaran undangan nyanyian, namun saya bersyukur masih dikurniakan rezeki dalam bidang lain," jelasnya lagi.

Sesiapa yang ingin menempah Rendang Nasib Zaiton Sameon boleh layari laman *Instagram real_zaiton_sameon*.

Tonton empat filem menarik sempena Deepavali



DIANA AMIR

KEMBALI disambut dengan meriah perayaan Deepavali kali ini apabila dapat berkumpul semula bersama ahli keluarga setelah setahun perayaan disambut tanpa kehadiran insan tersayang.

Meskipun kelonggaran

diberikan namun setiap orang masih perlu berjaga-jaga dan bagi mereka yang memilih hanya untuk duduk di rumah pada perayaan kali ini, menonton filem merupakan alternatif terbaik dalam mengeratkan silaturahim.

Edisi minggu ini, *Wilayahku* kongsikan tiga telemovie menarik yang akan ditayangkan di saluran TV2 pada hari ini dan filem menarik untuk tontonan hujung minggu anda. Selamat menyambut Hari Deepavali! WK

#2 En Iniya Ponnilave

Pengarah: Balu Mahendra
Pelakon: Agho, Hasvitha, Shamini Ramesh

JUMAAT | 5 NOV 2021 | 3.00 – 5.00 PETANG

KISAH tentang seorang anak gadis bernama Punguzhalai yang berusaha untuk mencari wanita pertama yang dicintai oleh datuknya, Govinhasamy yang juga mempunyai nama yang sama dengannya.

Kebetulan, wanita itu adalah nenek kepada Roshan, rakan sekolah yang selalu membulunya. Punguzhalai berhasrat untuk bekerjasama dengan Roshan untuk menjemput neneknya ke rumah untuk berbual-bual dengan Govinhasamy sempena perayaan Deepavali.



#1 Ore Varthey

Pelakon: Kishok, Puspha Narayan, Kaamesha Ravindran

JUMAAT | 5 NOV 2021 | 8.00 – 10.00 PAGI

PERPISAHAN antara ibu dan bapa yang memberi

impak terhadap anak-anak akibat tidak mendapat kasih sayang dan perhatian sepenuhnya hingga menyebabkan anak-anak memilih hala tuju hidup yang salah. Jangan lupa untuk saksikan telemovie ini TV2 hari ini jam 8 pagi.




#3 Kumbalangi night

Pengarah: Madhu C. Narayanan
Pelakon: Fahadh Faasil, Shane Nigam, Soubin Shahir

JUMAAT | 5 NOV 2021 | 9.00 – 11.30 MALAM

FILEM cerekai ini mengisahkan mengenai empat adik-beradik iaitu Saji, Bonny, Bobby dan Franky yang ditinggalkan oleh ibu mereka setelah ketidaaan bapa mereka.

Empat orang pemuda ini terpaksa meredah pelbagai cabaran dan dugaan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Mereka sentiasa dipandang rendah oleh penduduk di sekeliling mereka.




#4 Padman

Pengarah: R. Balki
Pelakon: Akshay Kumar, Radhika Apte, Sonam Kapoor

PADMAN mengisahkan Lakshmi Prasad yang berusaha untuk membuatkan tuala wanita kepada isterinya, Gayatri. Memandangkan harganya di pasaran yang mahal, kaum wanita di India lebih memilih untuk memakai kain dan dibasuh berulang kali setiap kali datang bulan.

Lakshmi yang sedar mengenai kepentingan tuala wanita mula melakukan pelbagai inovasi dalam menghasilkan tuala wanita dan dijual pada kos yang rendah demi membantu kaum wanita di India namun perjuangannya itu disalah anggap oleh masyarakat di sekelilingnya yang menganggap perkara tersebut memalukan. Adakah Lakshmi berjaya menghasilkan tuala wanita berkos rendah?

Isu tuala wanita juga agak ‘panas’ di sosial media pada minggu ini, *Padman* akan membantu anda untuk lebih memahami dan mengetahui mengenai isu tersebut.





HAZIRAH HALIM

SETELAH setahun tidak dapat meraikan sambutan Deepavali bersama keluarga tersayang, ianya kembali meriah apabila kelongan diberikan dan dapat disambut seperti tahun-tahun sebelumnya.

Pasti ramai yang sedang melakukan persiapan lebih-lebih lagi pelbagai juadah akan turut dihidangkan. Buat mereka yang buntu hendak masak apa pada khamis ini, jom cuba resipi masakan Deepavali daripada sentuhan **Datin Seri Shamsiah Md Yassin** bersama **Chef WK**



Ayam Varuval

AIR TANGAN BONDA
DATIN SERI SHAMSIAH

BAHAN TUMIS

Daun Kari
Cili kering
Biji jintan manis
Bawang putih dikisar
Halia dikisar
Cili serbuk
Kulit kayu manis

Bunga lawang
Buah pelaga
Garam masala

BAHAN PERAP AYAM

Kunyit serbuk
Serbuk Kari
Garam sedikit
Bawang putih dikisar
Halia dikisar

kemudian asingkan.

- Tumis bahan-bahan tumisan sehingga kekuningan.
- Masukkan ayam yang telah digoreng tadi dan gaul sehingga sebati.
- Masakan siap untuk dihidang.



Nasi Briyani



CHEF HASNA

BAHAN-BAHAN

Bawang merah dipotong
Kayu manis
Bunga lawang
Buah pelaga

Daun pandan
Susu cair
Rempah briyani
Beras basmathi
Minyak sapi

CARA PENYEDIAAN

- Tumis semua bahan sehingga garing.
- Masukkan rempah briyani dan susu cair.

- Apabila sudah mendidih, masukkan beras basmathi. Biarkan sehingga kering.
- Akhir sekali, masukkan pewarna kuning sedikit sahaja. Biarkan masak sehingga naik bau.
- Hiaskan hidangan dengan daun ketumbar dan bawang goreng.

Dua juadah istimewa sempena Deepavali



SABRINA SABRE

Rasam

TAK meriahlah sesebuah perayaan kalau tidak dihidangkan dengan aneka hidangan yang enak-enak bukan?

Setiap hidangan tersebut juga memiliki identiti kaum itu sendiri. Begitu juga dengan perayaan Deepavali memang banyak juadah yang 'wajib' dihidangkan dan dinikmati bersama keluarga mahupun jiran tetangga.

Akhbar Wilayahku kali ini senaraikan dua jenis makanan wajib yang perlu ada ketika sambutan perayaan Deepavali. Jom cuba! WK



BAHAN AIR ASAM KUNYIT

1 sudu besar jintan putih
½ sudu besar biji ketumbar
1 ½ sudu besar lada hitam
Air asam kunyit (Air asam jawa dicampurkan dengan ½ sudu besar serbuk kunyit, asam jawa bersaiz bola golf)
6 bawang putih bersama kulit
1 bawang kecil ditumbuk

BAHAN TUMBUK KASAR

Daun ketumbar
Cili kering
Daun kari
Akar ketumbar
2 biji tomato
½ sudu besar biji sawi
Serbuk asafoetida/rasam

CARA PENYEDIAAN

- Panaskan minyak sedikit dan masukkan biji sawi.
- Masukkan daun kari dan cili kering.
- Masukkan serbuk asafoetida.
- Masukkan bawang putih dan bawang kecil yang ditumbuk kasar.
- Masukkan tomato dan sedikit air untuk memasak tomato.
- Masukkan akar ketumbar dan bahan tumbuk.
- Masukkan air asam jawa dan tambah air sedikit hingga rasa masamnya sesuai. Guna api kecil dan biarkan rasam masak.
- Selepas 2 minit, masukkan daun ketumbar dan garam secukupnya. Kacau sebatи dan biarkan.
- Setelah buih kecil mula kelihatan di bahagian tepi, kacau sekali dan biarkan.
- Bila ianya mula mendidih, matikan api.
- Sedia untuk dihidang.

Tikka Masala

BAHAN-BAHAN

500 gram isi ayam bahagian dada dipotong dadu
100 ml yogurt
2 sudu besar serbuk cili
1 sudu kecil serbuk kunyit
1 sudu kecil serbuk jintan putih
1 sudu kecil serbuk ketumbar
1 sudu kecil serbuk garam masala
1 labu bawang besar dicincang
2 ulas bawang putih dicincang
1 inci halia dicincang
2 susu pes/puri tomato
100 ml heavy cream
1 tangkai daun ketumbar
Garam secukup rasa

CARA PENYEDIAAN

- Menggunakan separuh bahan sahaja, perap ayam dengan rempah serbuk, garam dan yogurt.
- Gaul bahan perapan dengan ayam, dan perap 2-3 jam. Sejukkan di bahagian chiller.
- Panaskan minyak dan layurkan isi ayam di atas kuali.
- Tumis sehingga layu dan naik bau.
- Masukkan lebihan rempah serbuk untuk perapan tadi.



Keluarga Malaysia, Pesta Cahaya dan *Little India*

Ismail Sabri tabur benih perpaduan dan muhibbah

Teks: AZLAN ZAMBRY
Foto: AMIN FARIJ HASAN

KELONGGARAN prosedur operasi standard (SOP) yang diberikan Majlis Keselamatan Negara (MKN) disambut gembira Keluarga Malaysia terutama penganut Hindu apabila berpeluang merayakan sambutan 'Pesta Cahaya' atau lebih dikenali dengan Hari Deepavali tahun ini.

Berbeza dengan sambutan tahun lalu ketika negara masih berada di dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kawasan Brickfields atau lebih dikenali sebagai *Little India* telah 'pulih' apabila ia dibanjiri ribuan kaum India yang memenuhi deretan kedai yang menjual pakaian dan lain-lain keperluan sebagai persediaan menyambut Deepavali dengan lebih meriah.

Kemeriahan *Little India* yang sememangnya menjadi tumpuan kaum ini turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob apabila turun padang meninjau keadaan disamping turut mengambil peluang untuk melihat lebih dekat sebahagian keluarga besar Malaysia yang datang untuk

melakukan persiapan.

Meskipun hujan lebat petang Isnin lalu, Ismail yang diiringi Menteri Sumber Manusia, Datuk M Saravanan dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias tidak berganjak dan meneruskan sesi *walkabout* di sekitar kedai dan menyantuni orang ramai yang terkejut melihat pemimpin nombor satu kerajaan itu.

Mengulas mengenai lawatannya, Ismail menitipkan pesanan agar Keluarga Malaysia yang bakal menyambut perayaan Deepavali agar sentiasa berhati-hati dan menjaga kesihatan.

"Kepada seluruh masyarakat kaum Hindu di seluruh negara, saya ucapkan selamat menyambut Hari Deepavali," katanya pada sidang akbar selepas membuat tinjauan di *Little India*, di sini.

Ismail Sabri berkata rata-rata peniaga ditemui berpuas hati kerana mereka dapat kembali berniaga seperti sedia kala.

"Saya difahamkan apabila kita buka peluang untuk mereka berniaga, sambutan yang diterima memang sangat menggalakkan.

"Orang ramai pula ketika ditanya, mereka gembira kerana

ada peluang untuk beli-belah," katanya.

Dalam pada itu, Jalaluddin berkata, kehadiran Perdana Menteri ke *Little India* telah memberikan kegembiraan kepada masyarakat India yang menyambut perayaan Deepavali.

"Ini merupakan pendekatan dan konsep Keluarga Malaysia diterjemahkan pada waktu kita menyambut perayaan Deepavali termasuklah semua perayaan yang melibatkan semua kaum dalam negara.

"Semua masyarakat tidak tertinggal daripada kemeriahan sambutan perayaan ini dan ia diterjemahkan melalui konsep yang diketengahkan Perdana Menteri yang menyemai perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia," katanya.

Terdahulu, Jalaluddin menyerahkan sumbangan dan kelengkapan perayaan kepada kira-kira 100 keluarga yang terdiri daripada anak-anak yatim, ibu tunggal, warga emas dan golongan berpendapatan rendah yang tinggal di ibu negara anjuran Persatuan Pembangunan Progresif (PPP), Persatuan Telegu Malaysia dan Bollywood Fashion. **WK**



ISMAIL Sabri turut diiringi Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan dan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Jalaluddin Alias dalam tinjauan persiapan sambutan Deepavali di Brickfields.



ISMAIL Sabri berminat untuk membeli baju tradisional masyarakat India.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri sempat beramah mesra bersama orang ramai yang membeli belah di sekitar Brickfields.

Peluang kerja selepas tamat program MaraCorp dan TalentCorp

HAMPIR dua tahun negara dilanda badai COVID-19, dalam tempoh itu juga graduan berdepan kesulitan antaranya menempatkan diri dalam alam pekerjaan.

Ini dibuktikan dengan Statistik Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia baru-baru ini yang menunjukkan 202,400 daripada 771,800 orang merupakan penganggur siswazah.

Bagaimanapun Memorandum Persefahaman (MoU) di antara MARA Corporation Sdn Bhd (MARA Corp) dan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) yang dimeterai pada 2 November lalu bakal memberi sinar harapan terutamanya buat pelajar, bakat TVET dan tajaan MARA.

Tujuh manfaat akan diraih oleh pelajar, bakat TVET dan tajaan MARA melalui MoU berkenaan yang sekali gus mampu untuk memberikan nafas tambahan untuk mereka.

MoU yang pertama kali melibatkan dua organisasi itu merupakan kerjasama untuk menyokong Agenda Kebolehpasaran Graduan MARA melalui Model Kolaborasi Peralihan Alam Persekolahan ke Alam Pekerjaan (*School-to-Work Transition*) untuk memperkasakan tenaga kerja negara.

Melalui manfaat yang bakal diperoleh MARA Corp melalui MoU ini adalah jalinan hubungan kerjasama bersama TalentCorp untuk menjadi penghubung antara pelajar-pelajar dalam ekosistem MARA dengan jaringan pelbagai syarikat.

MoU itu juga akan mewujudkan projek khas dan kerjasama antara kedua-dua organisasi yang memfokuskan kepada



MEMORANDUM Persefahaman (MoU) di antara MARA Corporation Sdn Bhd (MARA Corp) dan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) bakal memberi sinar harapan terutamanya buat pelajar, bakat TVET dan tajaan MARA.

pembangunan modal insan dan kebolehpasaran graduan di dalam ekosistem MARA.

Selain itu, manfaat yang bakal diraih oleh MARA Corp adalah dapat mengoptimumkan inisiatif sedia ada TalentCorp seperti program *Nurturing Expert Talent (mynext)*, *Structured Internship Programme (SIP)*, *Scholarship Talent Attraction & Retention (STAR)*, *Talent Mobility*, *Semester Break Programme (SBP)*, *Young Employable Student (YES!)* dan #KisahSiswa.

Bagi TalentCorp, manfaat yang ditawarkan adalah menyokong agenda pembangunan modal insan dan kebolehpasaran graduan MARA.

TalentCorp juga akan bekerjasama untuk menambah baik program modal insan dalam ekosistem MARA untuk melahirkan dan memasarkan bakat-bakat

dalam bidang yang strategik dan juga lain-lain bidang yang berkaitan.

Selain itu, TalentCorp akan berkongsi maklumat, inisiatif program dan memberi khidmat nasihat berkaitan dengan bakat dan modal insan berdasarkan data TalentCorp yang diperolehi daripada Senarai Pekerjaan Kritikal (*Critical Occupations List*), mynext dan cerapan industri.

TalentCorp juga akan berperanan sebagai penghubung di antara MARA dan pihak berkepentingan yang terdapat dalam jaringan TalentCorp.

Secara ringkasnya, MoU ini akan membuka ruang kolaborasi strategik di antara TalentCorp dan MARACorp dalam menyokong Ekosistem Bakat Kumpulan MARA, melalui penawaran bakat (pelajar/bakat TVET/tajaan) dan permintaan

bakat (syarikat dan anak syarikat MARA), memanfaatkan inisiatif pembangunan bakat TalentCorp seperti Program Latihan Berstruktur (SIP), *Nurturing Expert Talent (mynext)*, *Young Employable Students (YES!)*, serta inisiatif untuk bakat-bakat wanita dan diaspora.

Kerjasama ini juga merupakan satu platform strategik bagi kedua-dua agensi untuk meneroka peluang dalam membangunkan program intervensi bakat baharu bagi memperkasakan ekosistem bakat MARA dan negara secara keseluruhannya.

Manfaat yang ditawarkan MARA Corp melalui MoU ini adalah membabitkan:

- Menjalin hubungan kerjasama bersama TalentCorp untuk menjadi penghubung

antara pelajar-pelajar dalam ekosistem MARA dengan jaringan pelbagai syarikat.

- Bersama mewujudkan projek khas dan kerjasama yang memfokuskan kepada pembangunan modal insan dan kebolehpasaran graduan di dalam ekosistem MARA.
- Mengoptimumkan inisiatif sedia ada TalentCorp seperti program *Nurturing Expert Talent (mynext)*, *Structured Internship Programme (SIP)*, *Scholarship Talent Attraction & Retention (STAR)*, *Talent Mobility*, *Semester Break Programme (SBP)*, *Young Employable Student (YES!)* dan #KisahSiswa.

Manfaat yang ditawarkan TalentCorp adalah:

- Menyokong agenda pembangunan modal insan dan kebolehpasaran graduan MARA.
- Bekerjasama untuk menambah baik program modal insan dalam ekosistem MARA untuk melahirkan dan memasarkan bakat-bakat dalam bidang yang strategik dan juga lain-lain bidang yang berkaitan.
- Berkongsi maklumat, inisiatif program dan memberi khidmat nasihat berkaitan dengan bakat dan modal insan.
- Sebagai penghubung di antara MARA dan pihak berkepentingan yang terdapat dalam jaringan TalentCorp.



MoU akan mewujudkan projek khas dan kerjasama antara kedua-dua organisasi yang memfokuskan kepada pembangunan modal insan dan kebolehpasaran graduan di dalam ekosistem MARA.



MoU kedua-dua organisasi yang dimeterai pada 2 November lalu untuk menyokong Agenda Kebolehpasaran Graduan MARA melalui Model Kolaborasi Peralihan Alam Persekolahan ke Alam Pekerjaan (*School-to-Work Transition*) untuk memperkasakan tenaga kerja negara.

Promosi Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL)

PL galak sektor pendidikan tinggi



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

PERBADANAN Labuan (PL) menggalakkan sektor pendidikan khususnya dalam pengajian tinggi untuk menjadi salah satu tarikan di Pulau Bebas Cukai itu.

Pengerusinya, **Datuk Seri Amir Hussien** berkata sebagai Pihak Berkua Tempatan (PBT), pihaknya bertanggungjawab menggalakkan pelajar dari luar negara melanjutkan pengajian tinggi mereka di Pulau Bebas Cukai ini.

Katanya, Perbadanan Labuan akan mempromosikan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL)

untuk menjadi salah satu pusat pendidikan bertaraf antarabangsa.

"PL akan mempromosikan UMSKAL menjadi salah satu pusat pendidikan bertaraf antarabangsa dengan melihat peluang membawa masuk pelajar dari Timur Tengah, negara-negara ASEAN dan China.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan kunjungan hormat ke UMSKAL, baru-baru ini.

Turut hadir, Pengurus Globalfront International Sdn Bhd, Datuk Low Kok Thai, Naib Presiden Dewan Perniagaan Liu Sedunia Malaysia, Datuk Seri Simon Liew dan Timbalan Pengarah International Relationship, VISA and Promotion, UPSI, Prof Madya Dr Mohammed YM Mai, Ketua Pentadbiran UMSKAL.

Tambah beliau, pihaknya berharap perancangan itu menjadi kenyataan bagi memastikan



AMIR (tiga dari kanan) dan Pemangku Pengarah UMSKAL bersama barisan wakil pihak industri dan kakitangan UMSKAL.

ekonomi Labuan akan berkembang lebih pesat dengan kehadiran pela-

jar dan pensyarah dari luar negara. Sementara itu, Pemangku

Pengarah UMSKAL, Profesor Madya Dr Mohamad Rizal berkata, pihak sentiasa memberikan komitmen dan kerjasama padu daripada jabatan dan agensi kerajaan serta pihak industri untuk merealisasikan harapan membawa masuk lebih ramai pelajar antarabangsa ke UMSKAL pada masa hadapan.

"UMSKAL yakin kehadiran pelajar dari dalam dan luar negara ke UMSKAL akan turut membantu menjana ekonomi Labuan.

"Malah industri pelancongan juga akan berkembang menerusi kehadiran pelajar dan pensyarah tempatan dan antarabangsa," katanya.

Selain itu, katanya, menerusi kehadiran pelajar luar negara akan membantu mempromosikan produk makanan dan budaya tempatan sekali gus memperkenalkan lagi Labuan di mata dunia. **WK**

Klinik Bakat Bola Tampar Pantai Labuan

SERAMAI 80 peserta telah menyertai Klinik Bakat Bola Tampar Pantai "Road to SUKMA" Sesi 1 yang diadakan di Gelanggang Bola Tampar Pantai (Ramsey Point), Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, Tanjung Purun, baru-baru ini.

Menurut Pengurus Teknik dan Pembangunan Sukan Bola Tampar, **Midzmar Harun**, turut menyertai program tersebut ialah tujuh orang dari Biro Pengurus Teknik dan Pembangunan Sukan Bola Tampar, Persatuan Bola Tampar Labuan.

Turut membantu beliau mengendalikan klinik tersebut ialah Cladius Upin Lonsiong Jr dari SMK Rancha-Rancha, Rhap Renold Imbul (SK Patau-Patau) dan Muhammad Mirwanuddeen Mat Ghani (SMK Pantai).

Katanya, Sesi 2 Klinik Bakat Bola Tampar Pantai anjuran LDA Holding Sdn Bhd, Majlis Sukan Labuan dan Persatuan Bola Tampar Labuan itu telah diadakan pada 30



MIDZMAR

Oktober lepas.

Tujuan program itu diadakan adalah untuk mencari pelapis baru, mencari pemain muda untuk program SUKMA pasukan Wilayah Persekutuan dan memperkenalkan sukan bola tampar pantai dalam kalangan pelajar yang berumur 13 hingga 18 tahun.

Beliau yang juga Ketua Jurulatih bagi program tersebut kini bertugas sebagai guru sukan dan Matematik di Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang (SKLT).

Antara pengalaman Midzmar ialah Penolong Jurulatih pasukan Bola Tampar Pantai Malaysia, Penolong Jurulatih Pra-SUKMA pasukan Labuan dan Penolong Jurulatih pasukan SUKMA Wilayah Persekutuan.

Beliau menaruh harapan program tersebut dapat melahirkan bakat baru bagi pelapis atlet bola tampar pantai pasukan SUKMA Wilayah Persekutuan.

"Saya yakin lebih ramai anak muda tempatan bakal mewakili pasukan SUKMA Wilayah Persekutuan dalam acara bola tampar pantai pada masa akan datang.

"Terima kasih juga buat ibu bapa yang membenarkan anak-anak mereka menyertai program tersebut," katanya.

Midzmar, 30, dilahirkan di Kampung Muslim, Labuan memiliki Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sukan, Sains Sukan dan Rekreasi.

Beliau yang turut memiliki Sijil Kejurulatihan Bola Tampar Tahap 1, pernah mewakili SUKMA Wilayah dalam acara Bola Tampar Pantai 2011, mewakili UITM di Kejohanan MASUM 2015 dan mewakili pasukan Bola Tampar Labuan di Kejohanan Malaysia Open.

Sementara itu, Guru Besar SK Lubok Temiang, Adam Abd Rahim melahirkan rasa bangga terhadap usaha yang ditunjukkan oleh guru SKLT yang bukan sahaja mencurahkan ilmu kepada murid SKLT malah berkongsi ilmu dan kemahiran dengan komuniti di pulau ini. **WK**



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Klinik Bakat Bola Tampar Pantai 'Road to SUKMA' Sesi 1, baru-baru ini.



BOT dan minuman keras tidak bercukai berjaya dirampas oleh APMM Labuan.

Sindiket seludup minuman keras ditumpaskan - APMM

KIRA-KIRA sebanyak 2,000 tin minuman keras tidak bercukai berjaya dirampas Agensi Pengukuasaan Maritim Malaysia (APMM) Labuan, baru-baru ini

Pengarah Zon Maritim Labuan, **Kepten Maritim Nudin Jusoh** berkata, pasukan telah mengesan sebuah bot yang mencurigakan di perairan Mempakul, Sabah pada awal pagi Ahad lalu.

Menurut beliau, menyedari kehadiran pasukannya, suspek bertindak memecut laju ke daratan.

"Suspek nekad terjun untuk menyelamat diri meninggalkan bot yang tersadai di kawasan paya bakau sekitar 0.45 ba-

tu nautika barat laut Pulau Belangkas, Sabah.

"Hasil pemeriksaan keatas bot tersebut mendapat sebanyak 1680 tin minuman keras tidak bercukai disorokkan menggunakan kanvas biru dan ia dipercayai diseludup keluar dari Labuan," katanya dalam sama kenyataan, baru-baru ini.

Tambah beliau, kesemua ram-pasan termasuk bot dan engin yang bernilai RM40,000 telah dibawa ke Maritim Labuan untuk siasatan selanjutnya.

"Kes disiasat dibawah Akta Kastam 1967 dan gerakan mengesan dan memburu suspek akan dilaksanakan berdasarkan hasil siasatan yang dibuat," katanya lagi. **WK**



Soalan
A SSALAMUALAIKUM
SS Datuk Mufti, apakah hukum memberikan tip kepada penghantar makanan sedangkan pelanggan telah membayar kos penghantaran?

Jawapan
Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan mula Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat, serta mereka yang setia mengikuti perjuangan Rasulullah SAW sehingga hari Kiamat.

Secara asasnya, pemberian tip bermaksud pemberian tambahan daripada seorang pelanggan kepada penghantar makanan selain daripada kos penghantaran yang telah dibayar dengan niat bersedekah atau hadiah kerana berpuas hati dengan perkhidmatannya.

Bagi sesetengah keadaan, pelanggan membayar kos barang dan kos penghantaran kepada penghantar makanan dan bakinya diberikan kepada penghantar tersebut.

Tambahan lagi, pada hari ini ada juga sistem penghantaran makanan yang menyediakan ruangan khas dalam aplikasinya untuk pelanggan memberikan tips kepada penghantar makanan.

Pemberian tip ini adalah sama seperti memberi sedekah atau hadiah kepada seseorang.

Hukum memberikan tip kepada penghantar makanan

“Dalam meraikan amalan saling memberi dan menerima hadiah, perlu diingatkan juga untuk menjauhi sikap meminta-minta atau mengharapkan hadiah atas kerja yang dilakukan.”

Perbuatan memberi sedekah atau hadiah ini adalah perkara yang tidak dilarang dalam agama bahkan merupakan amalan yang digalakkan.

Hal ini dapat dilihat melalui hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah Ibn Umar bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: Tangan yang di atas (orang yang memberi) adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah. Tangan yang di atas adalah orang yang memberi manakala tangan yang di bawah adalah tangan orang yang menerima.

Riwayat Muslim (1033)

Di samping itu, amalan memberi hadiah dan menerima hadiah juga adalah amalan yang amat digalakkan dalam Islam.

Hal ini dapat dilihat melalui hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah yang berkata:

Maksudnya: Rasulullah SAW menerima hadiah dan kemudian



HUKUM memberikan tip kepada penghantar makanan adalah harus dan merupakan amalan sedekah yang mendatangkan pahala kepada pemberi.

membalas hadiah tersebut.

Riwayat al-Bukhari (2585)

Selain itu, terdapat juga Riwayat hadis lain yang menunjukkan terdapat galakkan daripada Rasulullah SAW untuk saling memberikan hadiah.

Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: Berilah hadiah dan saling berkasih sayang antara kamu.

Riwayat al-Bukhari dalam

Adab al-Mufrad (343)

Namun begitu, dalam meraikan amalan saling memberi dan menerima hadiah, perlu diingatkan juga untuk menjauhi sikap meminta-minta atau mengharapkan hadiah atas kerja yang dilakukan.

Ini adalah kerana sikap meminta-minta adalah sikap yang dilarang. Perkara ini dapat dilihat melalui hadis yang

diriwayatkan oleh Ibnu ‘Umar berikut:

Maksudnya: Aku dengar daripada ‘Umar berkata, “Rasulullah SAW memberiku pemberian (dari harta rampasan), kemudian aku berkata, berikanlah wang (gaji) tersebut kepada orang yang lebih memerlukan daripadaku.” Maka Rasulullah SAW berkata, “Ambillah, sekiranya harta ini datang kepadamu dan kamu tidak mengharapkannya atau memintanya, maka ambillah dan apa yang tidak diberikan kepadamu janganlah kamu memintanya.”

Riwayat al-Bukhari (1473)

Kesimpulan

Hukum memberikan tip kepada penghantar makanan adalah **harus** dan merupakan salah satu bentuk sedekah yang akan mendatangkan pahala buat pemberi serta akan memberi kebahagiaan kepada penghantar makanan tersebut. Dalam masa yang sama, pemberian tip adalah hak pelanggan.

Oleh itu, penghantar makanan perlu mengelakkan sikap meminta-minta kerana sikap tersebut dilarang dan akan menghilangkan keikhlasan tersebut.

Wallahu’lam.

PM lancar Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia

DIANA AMIR

PERDANA Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melancarkan Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia salah satu inisiatif di bawah Kementerian Pengajian Tinggi baru-baru ini.

Menteri Pengajian Tinggi, **Datuk Dr Noraini Ahmad** dalam ucapannya berkata penubuhan yayasan ini seiring dengan fokus strategik KPT yang keenam, iaitu Menyemarakkan Semangat #KPTPrihatin.

“Bakal menjadi medium pengurusan dan penyelarasan aktiviti penjanaan serta penyaluran dana bantuan kebajikan mahasiswa di peringkat nasional.

“Yayasan ini juga melengkapi aspirasi untuk memantapkan tadbir urus dan menambah baik kecekapan urusan berkaitan kebajikan dan kesejahteraan pelajar merentas IPT,” katanya ketika Majlis Pelancaran Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia KPT baru-baru ini.

Noraini berkata terdapat 11 Agenda Memperkasa Mahasiswa



YAYASAN Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini.

yang telah diusulkan dan dipersejui pelaksanaannya.

“Suka saya kongsikan di sini bahawa sebahagian besar daripada agenda tersebut telah pun kita laksanakan dengan jayanya iaitu Rumah Sewa Siswa yang mana garis panduannya dan Portal Rumah Siswa telah dilancarkan

pada 5 Mac yang lalu.

“Jawatankuasa Khas PTPTN Bersama Mahasiswa juga telah ditubuhkan sebagai medium khas yang membolehkan mahasiswa terlibat secara langsung dalam proses pembuatan keputusan penyampaian perkhidmatan PTPTN.

“Di samping itu, kita juga telah



KERAJAAN memperuntukkan RM5 juta untuk Yayasan Kebajikan Mahasiswa.

membangunkan Modul Latihan Kepimpinan Mahasiswa Nasional atau LAKSAMANA bagi tujuan pembinaan sahsiah diri pelajar,” jelasnya.

Menurutnya lagi, pihaknya telah menaik taraf kualiti capaian internet melalui Malaysian Research and Education Network atau MYREN dengan peruntukan sebanyak RM50 juta juga telah

diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA).

Beliau berharap penubuhan ini dapat membantu meringankan pelajar yang kurang berkemampuan selain memperkasa dan memperluaskan prospeknya dari semasa ke semasa dengan pengukuh sumber dana demi memastikan kelestarian pelaksanaannya. **WK**

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

MPP Segambut Zon 2 sumbang katil hospital untuk ibu tunggal

SHAHIDI BAKAR

SALAH seorang pesakit COVID-19 yang berjaya sembuh, **Rosnimar Rahim** merupakan antara wanita dalam kategori warga emas yang bernalas baik dan dengan izin Allah SWT, kembali untuk meneruskan hidup.

Bagaimanapun, beberapa kekangan dihadapinya kesan daripada pandemik itu menyebabkan dia tidak lagi mampu bergerak cergas dan seringkali keletihan.

Atas dasar keperluan Rosnimar iaitu ibu tunggal serba kekurangan, mendorong Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Sub Zon 2, Segambut tampil membantu memenuhi keperluan wanita itu yang kini tinggal

bersama seorang anak lelaki dan menantunya.

Hasil keprihatinan pihak MPPWP Sub Zon 2 telah menghulurkan bantuan katil untuk kegunaannya di rumah. Seunit katil menyerupai katil hospital itu akan membantu Rosnimar tidur dengan lebih selesa dan memudahkannya.

Menurut Rosnimar, kesan daripada jangkitan itu, beliau kini tidak mampu bergerak bebas, malah hendak berjalan pun terasa sukar kerana kakinya semakin lemah.

Beliau turut kehilangan seorang anak perempuan akibat COVID-19, kelihatan sedikit ceria ketika menerima kunjungan wakil MPPWP Sub Zon 2, Segambut ke Kampung Palembayan, Sungai Penchala sambil membawakan sebuah

katil.

Ketika diminta mengulas mengenai sumbangan itu, Rosnimar yang nyata gembira menzahirkan jutaan terima kasih terutama kepada Pengurus MPPWP Zon Segambut, Datuk Daniel Ling atas sumbangan katil yang diusahakan beliau.

"Macik amat berterima kasih kepada MPPWP Zon Segambut dan semua yang hadir hari ini atas keprihatinan untuk bantu makcik mudahkan lagi hidup. Semoga kalian semua turut dimudahkan urusan, kekal sihat hendaknya," kata Rosnimar.

Selain sumbangan katil, delegasi yang hadir juga memberikan sumbangan peribadi seperti barang makanan dan tunai sebagai membantu ringankan beban hidup warga emas itu. **WK**



KATIL Hospital yang disumbangkan oleh MPPWP Sub Zon 2 Segambut untuk Rosnimar.

Rumah Prihatin sedia penginapan sementara buat mangsa kemalangan

HAZIRAH HALIM

RUMAH Prihatin tampil menyediakan penginapan buat enam ahli keluarga yang terlibat dalam kemalangan di Genting Highland kelmarin untuk memudahkan proses rawatan susulan di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Bilik penginapan sementara diberikan kepada pasangan suami isteri bersama empat orang anaknya memandangkan mereka masih memerlukan rawatan di hospital tersebut.

Pengurus Bilik Penginapan Prihatin, **Datuk Aiman Aizuddin Junaidi** berkata, pihaknya telah menyediakan dua bilik buat keluarga tersebut dan kos penginapan ditanggung olehnya.

"Segala kos penginapan dibayar oleh saya sendiri kerana keluarga itu adalah keluarga saya."

"Sang isteri merupakan sepupu kepada saya. Jadi, sudah menjadi kewajipan untuk membantu dan saya telah mengambil keputusan untuk mempermudahkan urusan mereka melalui inisiatif yang disediakan oleh Rumah Prihatin iaitu Bilik Penginapan Prihatin," katanya ketika dihubungi *Wilayahku*.

Menurutnya, selain daripada bantuan bilik tersebut, Dapur Prihatin juga turut menyediakan keperluan makanan buat keluarga kecil ini.

Beliau berharap dan



DATUK Aiman Aizuddin (kiri) membawa salah seorang anak mangsa kemalangan untuk berehat di Rumah Prihatin selepas mendapat rawatan di HKL.

mendoakan agar seluruh keluarga mangsa terlibat cepat sembuh dan dilindungi serta berpesan kepada orang ramai untuk lebih berhati-hati ketika menggunakan jalan raya terutama pada musim cuaca yang tidak menentu ini.

Berkongsi detik ketika dikhabarkan berkenaan kemalangan keluarganya itu, Datuk Aiman berkata, beliau bersama Datuk Seri Dr Junaidi bergegas ke HKL untuk melihat keadaan dan membantu mereka.

"Kira-kira pukul 10.30 malam saya dikhaskan keluarga itu telah terlibat dalam satu kemalangan sewaktu dalam perjalanan turun dari laluan Genting Highland sebelum mengalami kegagalan brek yang menyebabkan mereka

melanggar sebuah pohon dan kemudiannya meluncur masuk ke dalam tempat saliran air.

"Ketika kami tiba di HKL, semua mangsa dalam keadaan berlumuran darah.

"Akibat daripada kemalangan itu, suami, isteri, anak sulung dan ketiga mengalami luka ringan manakala anak keduanya patah di kaki kanan dan yang terakhir mengalami gegaran otak serta luka dalam di dahinya," kongsinya.

Bilik Penginapan Prihatin merupakan salah satu inisiatif yang disediakan oleh RumahPrihatin@GrandSeasons untuk membantu warga Wilayah Persekutuan yang memerlukan penginapan sementara di Kuala Lumpur. **WK**

Hiasan mewah pesta cahaya bertemakan 'Little India' di Suria KLCC

HAZIRAH HALIM

DEKORASI serta sentuhan mewah oleh Kumpulan Syarikat Suria KLCC yang dikenali sebagai Suria KLCC, Alamanda dan Mesra Mall bakal menghiasi pusat beli-belah Suria KLCC sempena sambutan pesta cahaya atau Hari Deepavali.

Sambutan yang bakal tiba pada 4 November ini menampilkan pelbagai rona warna dan kilauan hiasan akan menyemarakkan keakraban kekeluargaan, keriangan di samping menyatakan semangat kelestarian di kalangan masyarakat Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif,

Kumpulan Syarikat Suria KLCC, **Andrew Brian**

berkata, sambutan ini akan berlangsung selama 10 hari bermula 29 Oktober hingga 7 November ini dengan bertemakan 'Little India'.

"Dalam memastikan tema tersebut jelas kelihatan, sebuah gerai bunga dan gerai rempah akan dipamerkan di ruang legar utama Suria KLCC sebagai latar belakang yang menarik bagi tujuan sesi bergambar," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, para pengunjung juga akan disambut mesra dengan hiasan kolam tradisional mewah berkeluasan 20 kaki

diameter di dataran Centre Court.

"Kolam mewah yang dilengkapi dengan penderia gerakkan akan diwarnai dengan persembahan cahaya apabila pengunjung melambai tangan penderia tersebut.

"Selain itu, di Alamanda Putrajaya juga kami akan mengadakan kempen 'One Year Free Shopping' terbesar yang membolehkan para pengunjung yang berbelanja RM300 atau lebih dengan rekod dua resit di mana-mana kedai terpilih untuk memenangi baucar bernilai RM12,000 dalam acara cabutan bertuah," jelasnya. **WK**



HIASAN mewah berkonsepkan 'Little India' dipamerkan di ruang legar utama Suria KLCC.

Aisha Kids Planet dunia impian kanak-kanak



AINI MAWAWI

KANAK-KANAK dan permainan memang tidak dapat dipisahkan.

Apabila bermain, mereka dapat bereksperimentasi dengan pelbagai kemahiran sekali gus membantu perkembangan diri.

Malah jika dilihat hari ini, terdapat banyak taman permainan *indoor* kanak-kanak yang menarik dibuka demi memberikan

keriangan berpanjangan kepada mereka di semua peringkat umur.

Terbaru, ia dibuka di sekitar Putrajaya yang pastinya membuatkan kanak-kanak setempat teruja apabila berkunjung ke Aisha Kids Planet yang terletak di Presint 9.

Menariknya, dengan caj serendah RM20, kanak-kanak boleh bermain sepanjang hari tanpa had masa.

Malah pelbagai permainan menarik menanti antaranya gelongsor gergasi, *trampoline*, *paint ball* dan banyak lagi yang ter-

dapat di satu-satunya taman permainan *indoor* yang dibuka seawal pukul 10 pagi hingga 10 malam pada hari Selasa hingga Ahad.

Sambil menanti anak-anak yang sedang leka bermain, ibu bapa pula bolehlah menghabiskan masa berehat dengan tenang di ruang makan khas yang disediakan.

Menurut pemiliknya, **Mohd Shahrul Rezza Zulkefli**, keserasian pelanggan adalah keutamaannya dan kerana itu hanya 30 hingga 40 orang sahaja yang dibenarkan berada di dalam taman permainan *indoor* pada satu-satu masa.

"Kita mengelakkan kesesakan yang akan membuatkan kanak-kanak dan ibu bapa tidak selesa terutama pada musim COVID-19 ini, kami sangat menekankan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan."

"Kepuasan mereka amat penting bagi kami, kerana itu tiket yang dibeli boleh digunakan sepanjang hari. Kalau mereka

mau keluar dan datang semula pada waktu petang, tiket tersebut masih boleh digunakan," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Memiliki dua lagi cabangan di Selangor iaitu Bandar Baru Bangi dan Eco Hill, Semenyih, objektif utama pembukaan Aisha Kids Planet ini adalah untuk memastikan setiap kanak-kanak dapat menikmati keriangan berpanjangan.

"Memang ada banyak taman permainan *indoor* di luar sana tetapi kebanyakannya agak mahal dan tidak semua ibu bapa mampu. Jadi, kami cuba untuk memberikan harga tiket yang berpatutan serendah RM20 sahaja," katanya.

Berkeluasan 5,000 kaki persegi, Aisha Kids Planet yang terletak di Putrajaya turut mempunyai dewan yang boleh memuatkan 100 orang tetamu untuk majlis-majlis keraian seperti majlis hari lahir, majlis pernikahan dan sebagainya.

"Bagi ibu bapa yang ingin menyambut hari lahir anak, kami

sedang mengadakan promosi serendah RM499 termasuklah hiasan dewan untuk membantu ibu bapa meraikan hari istimewa buat buah hati mereka. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi talian 018-2283087," ujarnya lagi. **WK**



MOHD SHAHRUL



Kayuhan sejauh 100km raikan sambutan Perancang Bandar

SEMPENA sambutan 100 tahun Perancang Bandar pada tahun ini, program kayuhan basikal bertemakan 'From Garden City to Smart Garden City' dari Kuala Kubu Bharu (KKB) ke Putrajaya diadakan baru-baru ini.

Kayuhan bermula dari KKB sebagai simbolik bandar terancang pertama di Malaysia dan berakhir di Putrajaya yang merupakan contoh terbaik permulaan utopia Perancang Bandar di Malaysia.

Program menarik ini mer-

upakan anjuran Persatuan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Malaysia (PERSADA) dan PLANMalaysia (Perancangan Bandar dan Desa) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) serta Majlis Perbandaran Hulu Selangor.

Kayuhan tertutup sejauh 100 kilometer (km) tersebut disertai 13 orang ahli perancang bandar bertujuan mencerminkan keceriaan kehidupan sebuah bandar sihat yang mana peserta dapat

melalui kawasan pinggir bandar, pusat bandar dan suasana alam semula jadi yang tenang.

Dalam pada itu, menurut Presiden PPj, **Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain**, berbasikal mampu memberi kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan, peningkatan melaksanakan aktiviti gaya hidup sihat dan ke arah komuniti dan bandar yang sejahtera.

"Kerjasama yang dibentuk merupakan kaedah secara langsung untuk mempromosikan tanggung-

jawab sosial korporat (CSR) antara pengajur selain usaha meningkatkan kesedaran bersukan dan menjaga kesihatan," ujar beliau.

Terdahulu, program yang ber-

langsung Sabtu lalu bermula seawal pukul 9 pagi dan berakhir pada pukul 5 petang dengan kayuhan purata bawah 30 kilometer per jam (km/jam). **WK**



AZMI bersama 13 orang ahli perancang bandar bergambar kenangan di Perbadanan Putrajaya (PPj) sebelum memulakan acara kayuhan basikal, pada Sabtu lalu.




KEMEN
PEMBAYARAN 2021
MELALUI JOMPAY

BAYARAN BERMULA
1 OKTOBER SEHINGGA 31 DISEMBES 2021

HADIAH CABUTAN BERTUAH BERJUMLAH
RM15,000 MENANTI ANDA
TERTAKLUK KEPADA TERMA DAN SYARAT*
"Sebagai Peluang Masin Adab"

JOM PAY BILLER CODE PPJ: 4432
REF 1: No. Bil Berkaitan
REF 2: No. Telefon

TERMA DAN SYARAT

- BAYARAN MELALUI JOMPAY
- PELANGGAN PPJ
- MINIMA RM100 DALAM SATU TRANSAKSI
- TIADA TUNGGAKAN

SEBAGAI PERTANYAAN SILA HUBUNGKU:
Cekai : 03-8887 7164 | Osc : 03-8887 7778 / 7632 | Pembayaran : 03-8887 7248
Komplain : 03-8887 7499 / 7290 / 7610 / 7371

www.ppj.gov.my | Putrajaya | perbadananputrajaya | putrajayacorp

Mahu lebih pendedahan dalam sukan bola tampar pantai

Ridzwan cari rentak senior

AINI MAWAWI

ATLET bola tampar pantai Wilayah Persekutuan, Ridzwan, 21, berharap skuad bola tampar diberi banyak peluang untuk menjalani latihan bersama skuad senior seterusnya memberi lebih pendedahan.

Menurut atlet kelahiran Labuan ini, sebagai pendatang baharu yang mula berjinak dalam sukan bola tampar pada 2019, dia perlu melalui banyak aksi untuk mendapatkan pendedahan yang lebih dalam sukan tersebut.

"Sebelum ini penampilan saya dalam skuad bola tampar, jadi saya perlukan masa untuk menyesuaikan diri lebih-lebih lagi sebelum ini latihan agak terhad kerana pandemik COVID-19 yang melanda.



"Tambahan pula, beraksi di pantai sangat berbeza dan setakat ini saya tidak menyasarkan apa-apa melainkan ingin mendapatkan rentak dan cara bermain melalui bantuan jurulatih dan skuad yang lebih berpengalaman."

"Bagi saya, pendedahan dan tunjuk ajar yang lebih merupakan pengajaran yang sangat berharga untuk atlet lebih-lebih lagi yang baharu seperti saya ini," ujar anak ketiga daripada lima orang adik-beradik ini.

Dia yang merupakan atlet sepenuh masa mengakui tidak sabar untuk menyertai sebarang kejohanan.

"Alhamdulillah namapnya selepas ini, lebih banyak lagi kejohanan yang dapat disertai sekali gus dapat mengukur pencapaian diri dalam sukan ini selain men-

jadi medan untuk memperbaiki prestasi."

"Selain itu, diharapkan juga skuad berpeluang ke luar negara untuk kejohanan yang lebih besar. Melalui itu juga, kami dapat mencari pengalaman bermain serta melihat strategi atlet luar mereka," katanya kepada *Wilayahku*.

Kongsinya, dia banyak

berbincang tentang konsep taktil dan teknikal bersama rakan sepasukan sebelum berdepan dengan pihak lawan.

"Biasanya kami akan menghabiskan masa dengan sesi perbincangan selain menjalani latihan dengan lebih konsisten menjelang perlawanan," ujarnya yang mengakui semangat ber-



RIDZWAN (dua dari kanan) melakukan hadangan ketika kejohanan FIVB di Langkawi pada tahun lalu.

Pemain muda perlu minit permainan secukupnya - Kim Swee

BARISAN pemain muda negara mesti mendapat minit permainan secukupnya bersama pasukan di peringkat domestik untuk memastikan Malaysia tidak sekadar mengambil bahagian sebaliknya mampu memberi tantangan pada kempen Piala Asia Bawah 23 Tahun (B-23) 2022.

Bekas Pengarah Teknikal Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) **Datuk Ong Kim Swee** berkata minit permainan amat penting dalam persediaan pemain muda khususnya tonton skuad Bawah 22 Tahun (B-22) negara menghadapi cabaran sengit kempen itu yang akan berlangsung di Uzbekistan.

Menjadikan antara pasukan gergasi di rantau Asia seperti Korea Selatan, Australia dan Jepun sebagai contoh, pengendali Sabah FC itu berkata kebanyakannya pemain mereka beraksi di liga utama negara masing-masing, malah ada yang turut menimba pengalaman di luar negara.

"Sekalipun persiapan (pasukan kebangsaan) singkat tetapi pendedahan yang mereka terima daripada bermain setiap minggu, memberi mereka kelebihan dan situasi sama juga dengan pemain kita.

"Saya harap pemain-pemain ini (skuad B-22 negara) dapat bermain setiap minggu. Terutamanya di awal saingan liga musim depan mereka bermain setiap minggu, ini dapat membantu dari segi in-



SKUAD B-22 negara layak secara automatik ke Piala Asia B-23 2022 selepas menjuarai saingan Kumpulan J menewaskan Laos dan Mongolia.

tensi dan persiapan diri mereka sebelum dipanggil ke kejohanan antarabangsa," katanya kepada *Bernama*.

Kim Swee yang pernah menggalas tanggungjawab membimbangi skuad B-22 negara mengakui faktor kepercayaan menjadi cabaran utama kepada pengendali pasukan untuk mempertaruhkan pemain muda atau baharu dalam perlawan-perlawanan utama.

Bagaimanapun, jurulatih keliahan Melaka itu menegaskan elemen diperlukan setiap pemain muda dalam mencapai kematan permainan adalah peluang dan pendedahan.

"Jika peluang dan pendedahan

tidak diberi kita tidak akan nampak kemajuan pemain dan ia akan terbantut. Walaupun kita mempunyai ramai bakat, jika tidak bermain secara kompetitif ia akan melambatkan proses kematangan mereka," kata pengendali berusia 50 tahun itu.

Skuad B-22 negara kendalian Ketua Jurulatih Brad Maloney layak secara automatik ke Piala Asia B-23 2022 selepas menjuarai saingan Kumpulan J pusingan kelayakan itu di Ulaanbaatar, Mongolia baru-baru ini dengan menewaskan Laos dan tuan rumah, masing-masing 1-0 sebelum seri tanpa jaringan menentang Thailand. - *BERNAMA*

Pusat kecemerlangan sukan dron dirancang

PERSATUAN Lumba Dron Malaysia (DRAM) berharap cadangan pembinaan Pusat Kecemerlangan Sukan Dron akan melahirkan lebih ramai juruterbang lumba dron sekaligus menjanjikan masa depan yang lebih cerah buat sukan itu di Malaysia.

Presiden DRAM, **Mohd Fitri Reza** berkata, dengan adanya venue khusus untuk perlumbaan dron, ia akan membantu penggiat sukan itu untuk menganjurkan lebih banyak acara dan menggalakkan lebih ramai anggota masyarakat untuk mencebur sukan mengujakan itu.



MOHD FITRI

"Untuk mendapatkan tempat berlumba menjadi satu cabaran besar buat kami sebelum ini. Biasanya kami akan mencari tempat terpencil, siapkan trek dan berlatih bersama ahli kumpulan, selain menganjurkan acara antarabangsa melibatkan negara jiran.

"Ini juga akan membantu juruterbang kami untuk lebih bersedia dalam menghadapi acara-acara antarabangsa dan serantau seperti Kejohanan Perlumbaan Dron Dunia. Kita mempunyai beberapa pelumba yang bagus yang telah menyertai beberapa acara antarabangsa

sebelum ini, tetapi disebabkan kurangnya persediaan dan kru, mereka tidak dapat menyerlah," katanya.

Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz ketika membentangkan Bajet 2022 di Dewan Rakyat, Jumaat lepas, mengumumkan peruntukan RM5 juta untuk mewujudkan Pusat Kecemerlangan Sukan Dron.

Menurut Mohd Fitri, aktiviti sukan lumba dron di tanah air berjalan rancak sebelum ini, namun terpaksa diberhentikan sementara susulan pandemik COVID-19 pada awal 2020.

Katanya, selesa kejayaan menganjurkan perlumbaan demonstrasi di Zon Pembangunan Dron, Technology Park Malaysia (TPM) pada 16 Oktober lepas, persatuan itu merancang untuk mengadakan acara bulanan selesa ke-

jiayaan menghadirkan perlumbaan demonstrasi di Zon Pembangunan Dron, Technology Park Malaysia (TPM) pada 16 Oktober lepas, persatuan itu merancang untuk mengadakan acara bulanan selesa ke-

- *BERNAMA*

Kejayaan Ridzwan Rahman

2020 - FIVB terbuka Langkawi - Peringkat akhir

2019 - Kejohanan Terbuka Melaka - Peringkat akhir

Facebook dan Instagram: Maike Dot-sot

pasukan yang tinggi dalam kalangan rakan sepasukan amatlah penting. **WK**



Ridzwan cari
rentak senior ▷28

Tutup Jalan Bukit Bintang untuk pelancongan bandar

Mohon cadangan dari warga kota

TIMBALAN Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias mempelawa orang ramai khususnya warga kota untuk memberikan cadangan bagi menutup sebatang jalan di Bukit Bintang.

Bercakap mengenainya, Jalaluddin berkata, idea tersebut diperlukan bagi menjadikan kawasan tersebut lebih meriah dengan aktiviti santai dan pada masa sama inisiatif tersebut mampu membuka peluang ekonomi baharu kepada peniaga tempatan.

“Dalam beberapa siri lawatan di dalam sekitar Kuala Lumpur, saya melihat terdapat beberapa spot atau kawasan yang boleh dijadikan tumpuan pelancong untuk waktu-waktu tertentu.

“Salah satu yang saya lihat adalah laluan yang bakal dan boleh menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negara di hadapan Komplek Beli Belah Pavilion dan Hotel JW Marriot di sepanjang Jalan Bukit Bintang,” katanya dalam sidang media selepas



CADANGAN menutup Jalan Bukit Bintang untuk aktiviti pelancongan pada setiap hujung minggu.

melakukan Walkabout di Jalan Tun Sambanthan pada Selasa.

Jalaluddin berkata, idea untuk menutup jalan Bukit Bintang dirasakan sesuai kerana ia terletak di kawasan segi tiga emas dan sentiasa menjadi tumpuan orang ramai untuk membeli belah serta menjadi pusat pertemuan orang ramai.

“Warga kota dan para pelancong boleh bersiar-siar

di sini sambil layan muzik ringan dan bergambar di kawasan tersebut.

“Kita juga boleh tunjukkan suasana malam di ibu kota. Ada buskers, pencahayaan yang menarik dan sebagainya. Kita jadikan ia sebagai satu lagi produk pelancongan baharu yang padat dengan aktiviti malam di kota raya,” katanya.

Ujar Jalaluddin, ba-

gi menjadikan idea tersebut dilaksanakan, beliau sedang mengumpulkan beberapa pandangan dan kajian berkenaan penyuraian trafik dan ia sedang dilakukan oleh pegawai yang berkaitan.

“Apabila semuanya siap, jika keadaan dan laporan yang diterima itu membolehkan kita menutup jalan tersebut pada malam hujung minggu atau Sabtu malam Ahad bermula pukul 6 petang hingga 12 malam maka kita akan laksanakan.

“Jika pandangan dan dapatan yang diterima tidak memberikan kesan yang baik, maka kita akan melihat kepada kawasan-kawasan lain yang boleh dijadikan per cubaan untuk menjadikan kawasan itu sebagai tumpuan pelancongan.

“Oleh kerana itu, saya minat kepada orang ramai dan golongan peniaga untuk memberikan pandangan kerana kita mahu tahu apakah kekangan dan halangan yang bakal dihadapi sekiranya cadangan tersebut dilaksanakan nanti,” katanya. WK

19 NGO terima sumbangan



KETUA Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan Datuk Seri Hajah Rosida Jaafar (kiri), menyampaikan sumbangan bagi Program Pembangunan Komuniti Wilayah Persekutuan 2021 kepada 19 NGO di Menara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Majlis tersebut disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim bagi memberikan manfaat kepada warga Wilayah Persekutuan.

Inteam, VE seru masyarakat cintai Allah dan Rasul

DEEL ANJER

KUMPULAN nasyid Inteam berkolaborasi dengan Voices of Euphonious atau VE demi menyemarakkan lagi rasa cinta dalam kalangan masyarakat terhadap Yang Maha Esa dan utusan Rasulullah S.A.W.

Tidak dinafikan, kolaborasi ini adalah antara projek yang dinantikan ramai peminat lagu-lagu berunsur nasyid dan qasidah. Kali ini, mereka memilih lagu qasidah Allah Allah Aghisna.

Kumpulan Inteam yang dianggotai Mohd Syahril Abdul Khalid, Muhammad Hazamin Harun, Hisyam Ahmad dan Abdul Rahim Osman ini berharap kolaborasi yang dilakukan mampu membawa masyarakat menghayati mesej lagu.

‘Allah Allah Aghisna’ membawa maksud ‘Wahai Allah, bantulah kami’ adalah sebuah qasidah lama yang diberikan nafas baharu oleh kedua-dua kumpulan vokal berlainan genre ini.

“Setiap bait syair qasidah Allah

Allah Aghisna ini memberi satu inspirasi kecintaan yang mendalam terhadap Allah dan RasulNya. Ditambah dengan susunan lagu qasidah ini, memang masuk ke hati.

“Alhamdulillah, bagi pihak Inteam, kami gembira dengan hasil kolaborasi dengan VE kerana suntikan harmoni dalam qasidah ini, menambah keindahan lagu ini,” jelas Hazamin mewakili Inteam.

Bagi Syahril pula, lagu yang dirakamkan juga bersesuaian dengan situasi negara yang dilanda wabak COVID-19.

Dalam masa sama, lagu ini mengajak masyarakat khususnya orang Islam agar sentiasa mengadu kepada Allah apabila diduga.

“Kami pilih lagu ini kerana ia lagu yang semakin popular dan ramai pula berminat buat ‘cover’. Maknanya lagu ini pun sangat baik.

“Ia jadi pilihan untuk kematian akibat COVID-19. Kami tengok carian di Internet, YouTube dan Google juga banyak perkongsian



INTEAM dan VE kolaborasi kembalikan lagu-lagu nasyid.

mengenai lagu ini.

“Jadi kami melihatnya sesuai dirakam semula untuk Maulidur Rasul. Liriknya juga relevan kerana kita memohon kepada Allah supaya membantu kita,” katanya menerusi sidang media secara maya yang turut disertai anggota

VE.

Menurut mereka, lagu tersebut dimuat naik di saluran Inteam Digital sejak 18 Oktober lalu dan telah mendapat lebih 30,000 tontonan dalam tempoh dua minggu.

“Inteam dah lama berhasrat nak bekerjasama dengan VE.

Kami pernah terbabit dalam program Maulid dan Malam Cinta Rasul dengan mereka sebelum ini.

“Kebetulan baru-baru ini saya diundang dalam ‘talk show’ mereka di Instagram, dan dari situ tercetus idea untuk kami menghasilkan bersama single sempena Maulidur Rasul,” kata Abdul Rahim.

Sementara itu anggota VE iaitu Zaf, Adeep Nahar, Hakim dan Cham mengakui sangat bertuah apabila diberikan peluang ini.

“Kami berbesar hati jadi pilihan Inteam untuk jalin kerjasama. InsyaAllah, mungkin kami akan bekerjasama lagi dengan mereka (Inteam) untuk projek berikutnya nanti,” kata Adeep.

Menariknya, selain dinyanyikan dalam bahasa Arab, lagu Allah Allah Aghisna ini turut dinyanyikan dalam bahasa Melayu.

Video klip Allah Allah Aghisna telah disiarkan di Channel Youtube Inteam Digital pada 18 Oktober 2021 yang lalu bersempena sambutan Maulidur Rasul 1443H. WK